

Tiada rombakan
EXCO negeri

2

Siri 2 sidang niaga
sasar RMI bilion

4

Shah Alam Sentral
dilancar September

5

RM970,000 laksana
tanaman kontan

8

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 15 - 21 OGOS 2024

www.selangorkini.my

Tuisyen percuma SPM dalam aplikasi

Selangor lancar aplikasi Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) untuk kegunaan pelajar tingkatan empat dan lima, memuatkan antaranya kaedah jawab soalan dan ulang kaji mata pelajaran terpilih

MUKA 3

Seragam perkhidmatan empat PBT

Perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang yang dirangkum dalam Lembah Klang Raya akan diseragam seterusnya peringkat mutu penyampaian kepada rakyat

MUKA 19



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari diiringi Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Ahmad Azri Zainal Nor (kiri) menunjukkan aplikasi e-PTRS ketika pelancaran Program Tuisyen Rakyat Selangor 2024 di Seksyen 7, Shah Alam pada 13 Ogos 2024. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 3

PNB ASNB

MSAM

LABUR Ria

Setia City Convention Centre,
Setia Alam,
Shah Alam, Selangor

23 - 25 Ogos 2024 | 8.00 - 10.00 malam

Kukuhkan Hidup Anda di MSAM

Masuk
Percuma
dengan minimum
pelaburan RM10
melalui myASNB



MB: Tiada rombakan barisan EXCO

SHAH ALAM - Tiada rombakan EXCO setakat ini memandangkan Selangor memiliki pasukan yang mantap, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata barisan EXCO menjalankan tanggungjawab dengan baik dan bekerjasama antara satu sama lain tetapi perlu memperbaiki prestasi masing-masing.

"Ini sebagai peringatan kepada semua supaya bekerja lebih baik dan pastikan janji kita dilaksanakan serta mencapai sasaran ditetapkan.

"Kalau tanya kemungkinan (rombakan EXCO), ia tetap ada pada bila-bila masa ikut kesesuaian. Kadang-kadang disebabkan sakit, kematian dan faktor-faktor lain. Kami gembira bekerja bersama-sama.

"Saya akui perlu ada peningkatan prestasi untuk kita memantapkan perkhidmatan selepas setahun. Minggu lepas saya ingatkan semua EXCO supaya tingkatkan prestasi dalam Dewan Negeri Selangor, pencapaian dan apa mereka mahu capai," katanya pada 13 Ogos.

Pada 12 Ogos, sebuah portal melaporkan pentadbiran Selangor mempertimbang merombak barisan EXCO bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan negeri melibatkan pemimpin Parti Keadilan Rakyat dan DAP.

Galak belia sertai Askar Wataniah

SHAH ALAM - Golongan muda digalak menyertai pasukan Askar Wataniah yang memupuk disiplin serta membina ketahanan mental dan fizikal, kata EXCO belia.

Penyertaan itu, kata Najwan Halimi, membuka peluang mereka menimba ilmu ketenteraan dan memperkukuh jati diri melalui latihan serta kursus yang disediakan.

"Saya menggalakkan penyertaan golongan muda di dalam pasukan Askar Wataniah ini," katanya selepas menghadiri pembukaan Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela (APMS) Siri 3/2024 Rejimen 502 Askar Wataniah di Kem Sungai Buloh pada 8 Ogos.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



LUAS pantau sumber air guna satelit

AMPANG JAYA - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) akan menggunakan sistem pemantauan berasaskan data cerapan satelit untuk memantau kegiatan di lokasi strategik di negeri ini.

Menurut kenyataan, Sistem Pemantauan Aktiviti Permukaan Tanah Selangor berupaya memantau pergerakan di tasik, kolam, sungai dan lokasi berpotensi menyumbang pencemaran sumber air.

Mengikut LUAS lagi, sistem berteraskan teknologi angkasa itu meliputi teknologi penderiaan jauh, sistem maklumat geografi, sistem penentuan kedudukan se-

jagat, teknologi maklumat dan komunikasi.

"Pembangunan sistem ini langkah ke hadapan Selangor untuk memperkasa lagi pemantauan sumber air negeri sedia ada dengan teknologi satelit dimiliki Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

"(Ini) bagi memperkasa pemantauan sumber air negeri sekali gus meningkatkan keberkesanan operasi LUAS," kata kenyataan sempena sambutan Hari Air Sedunia 2024 peringkat negeri.

Pengarah LUAS Ts Hasrolnizam Shaari dan Ketua Pengarah MYSA Gs Azlikamil

Napiah memeterai memorandum persefahaman sambil disaksikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin pada 10 Ogos.

Kenyataan itu menyebut jalinan kerjasama berkenaan dapat memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada rakyat seiring komitmen MYSA dalam menerajui pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030.

Dalam ucapannya, Hasrolnizam memberitahu LUAS juga melakukan penjenamaan semula Skwad Pantas kepada Skwad Elit Air LUAS (SKEAL) bagi menangani masalah pencemaran sumber air.

Ringan beban peniaga medan selera

Derma gaji bantu mangsa kebakaran

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

AMPANG JAYA - Dato' Menteri Besar menggunakan gajinya sebagai ahli parlimen Gombak untuk membantu 12 peniaga medan selera Jalan AU5 Taman Lembah Keramat yang terjejas akibat kebakaran baru-baru ini.

Dato' Seri Amirudin Shari menderma RM8,000 kepada setiap peniaga manakala RM2,000 lagi peruntukan pusat khidmat masyarakat Gombak, menjadikan keseluruhan bantuan RM10,000.

"Kita prihatin dengan nasib yang

menimpa peniaga yang mencari rezeki di medan selera itu sejak berpuluh tahun lalu.

"Mereka juga menerima bantuan RM3,000 daripada MPAJ dalam bentuk khemah dan pembersihan tapak," katanya yang berharap pemberian itu meringankan beban mangsa.

Majlis penyerahan pada 11 Ogos dihadiri Penyelaras Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Dr Ani Ahmad.

Amirudin memaklumkan sebuah bazar baharu menggantikan medan selera itu

akan dibina membabitkan kos dianggarkan RM3.5 juta.

"Perkara ini kita sedang usahakan dan bawa kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan Menteri Ekonomi Rafizi Ramli bagi membina semula medan selera ini.

"Ilustrasi telah ada dan kini saya sedang tunggu kertas cadangan pelaksanaannya. Pembinaan mungkin ambil masa paling awal setahun atau maksimum dua tahun.

"Buat masa ini, peniaga dibenarkan berniaga di tapak sementara di hadapan medan selera yang sedang dibersihkan MPAJ," katanya.

Tingkat kelestarian sumber air

AMPANG JAYA - Usaha memperkukuh kelestarian sumber air mentah negeri meliputi segenap aspek demi memastikan bekalan air terjamin dan selamat kepada rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata transformasi sektor air negeri merangkumi pengukuhan undang-undang, sumber air baharu, pewartaan simpanan air mentah serta memanfaatkan teknologi pintar.

"Selangor juga melaksanakan pel-

bagai program demi memastikan bekalan air yang lestari dan mampan. Sebab itu, bila tiba musim kering, simpanan air bertahan antara enam hingga sembilan bulan. Negeri ada simpanan di luar sungai yang digerakkan usahanya sejak 2013.

"Kini, kita kembangkan simpanan itu dengan mengenal pasti 100 kolam sumber air alternatif dengan 20 daripadanya sudah diwartakan sebagai zon perlindungan. Baki 80 lagi akan diwarta dari semasa ke semasa.

"Dengan ini, kita akan mempunyai satu pelan sehingga 2050 nanti untuk mempunyai bekalan air mentah yang cukup," katanya selepas merasmikan sambutan Hari Air Sedunia 2024 peringkat negeri di Tasik Pandan Perdana pada 10 Ogos.

Katanya, aspek pengukuhan undang-undang dengan meningkatkan denda kepada RM1 juta kepada pencemar air serta pengenalan Dasar Pelepasan Sifar bukti kesungguhan Selangor menjaga kelestarian air.

Bantu pulih, tingkat ekonomi rakyat

GOMBAK - Kerajaan Selangor bertekad memulih dan memperkasakan ekonomi bagi membantu penduduk menikmati kehidupan lebih baik pada masa depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha tersebut bertujuan merapatkan jurang ekonomi antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah.

"Pelbagai bantuan diberikan dan ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Madani sama ada negeri atau persekutuan dalam membantu memperkasakan rakyat.

"Kita bukan hanya mengambil jalan singkat dengan menyerahkan sumbangan tetapi tidak menyelesaikan isu pokok. Isu utama yang saya lihat

di sini bagaimana selesaikan masalah ekonomi dan ini yang cuba diperbetulkan.

"Contohnya, suatu masa dahulu kita berdepan dengan isu barangan tetapi kini daripada keperluan harian sehingga makanan semuanya hampir selesai biarpun ada harga masih tinggi," katanya pada 11 Ogos.



DOA... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menziarahi makam Sultan Abdul Samad di Jugra sempena Eksplorasi Gagasan Rumpun Selangor daerah Kuala Langat pada 9 Ogos. Baginda kemudian bertemu penduduk dan menunaikan solat Jumaat di Masjid Diraja Sultan Alaeddin, Kampung Bandar serta menyaksikan majlis penyerahan bantuan Lembaga Zakat Selangor. Foto Facebook Selangor Royal Office
▶ BERITA MUKA 6

Selangor cadang beri data percuma

Aplikasi permudah ulang kaji SPM

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Aplikasi e-Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dibangunkan bagi membantu pelajar tingkatan empat dan lima menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Selangor juga meneliti keperluan memberi data internet percuma bagi membantu pelajar mengulang kaji pada bila-bila masa.

"Aplikasi e-PTRS akan memudahkan mereka belajar. Mereka hanya perlu memuat naik (aplikasi) dan boleh digunakan bila-bila masa.

"Ilmu dapat dicapai di mana-mana sahaja tanpa mengira masa sekali. Aplikasi mudah alih ini meningkatkan lagi pen-

capaian pelajar," katanya semasa melancarkan program itu pada 13 Ogos.

Semakan mendapati aplikasi tersebut menyediakan teknik menjawab soalan, video ulang kaji mata pelajaran terpilih antaranya matematik tambahan, bahasa Inggeris, sains dan sejarah.

Kemudahan itu boleh digunakan semua pelajar di seluruh negara, tidak terhad kepada peserta PTRS dengan mendaftar secara percuma dalam aplikasi yang boleh dimuat turun di Google Play Store dan App Store.

Beliau memberitahu PTRS yang diperkenalkan sejak 2008 juga memuatkan modul kepimpinan dan pembangunan kepada lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Amirudin berkata modul yang dijayakan bersama Gabungan Pelajar

Melayu Semenanjung (GPMS) negeri mulai tahun depan memperkasa pelajar termasuk penekanan aspek emosi dan jati diri.

"Modul ini beri pendedahan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian sama ada ke universiti, kolej tingkatan enam atau kemahiran. Kita pandu mereka dengan kehidupan selepas persekolahan.

"PTRS bukan hanya membantu pelajar daripada lemah sebaliknya memberi nilai tambah kepada pelajar cemerlang. Paling jelas purata pelajar lulus SPM kian meningkat," katanya lagi.

Beliau percaya penambahbaikan itu termasuk penggunaan aplikasi berkenaan memudahkan lagi kira-kira 130,000 pelajar yang menyertai PTRS untuk mengakses bahan pembelajaran.

Mahu pastikan RS-1 lancar

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar lebih selesa untuk terus kekal menerajui pentadbiran negeri di sebalik khabar angin berlaku rombakan kabinet pada peringkat persekutuan.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata hasrat itu antara lain untuk memastikan kelangsungan rancangan pembangunan negeri khususnya Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang sedang berjalan

dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Ahli parlimen Gombak itu berkata beliau tidak mendengar dirinya akan dilantik sebagai menteri malah Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menafikan rombakan tersebut pada 12 Ogos, lapor Bernama.

"Setakat ini, tidak ada angin bertiup ke telinga yang (nama) saya ditarik keluar (sebagai menteri Kabinet).

"Sebagai ahli Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) yang patuh, saya akan mengikut dan melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan sekiranya dilantik menjadi menteri Kabinet di masa hadapan," katanya pada 13 Ogos.

Beliau mengulas khabar angin yang mendakwa seorang menteri besar daripada KEADILAN dilantik sebagai menteri Kabinet.

RS-1 usaha atasi masalah rakyat

AMPANG JAYA - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) merupakan hasil usaha Kerajaan Negeri untuk memahami dengan jelas semua masalah utama rakyat sekali gus mencari jalan penyelesaian.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif tersebut dilaksanakan sejak hari pertama beliau memimpin Selangor namun mula dikembang bersama semua pimpinan negeri menerusi RS-1.

"Sesuatu perkara itu boleh ditangani dan dikuasai sepenuhnya jika kita dapat faham dengan jelas tentang masalah tersebut. Kalau kita faham, kita akan selesaikan isu utama selain hanya tangani simptom dan kesan.

"Apabila kita ingin bangunkan peluang ekonomi, ia bukan sekadar dirancang dalam peta atau mesyuarat. Sebaliknya perlu difahami secara terperinci isu tempatan. Daripada situlah lahirnya RS-1," katanya pada 11 Ogos.

Galak pelancongan di Beranang

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri menggalakkan pembinaan lebih banyak hotel dan inap desa bagi menampung kehadiran pelancong sekali gus merencanakan lagi sektor pelancongan di Beranang.

Dato' Menteri Besar berkata Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) akan meneliti tapak yang strategik selain mengenal pasti pelabur untuk menyediakan kemudahan itu.

"Dijangka pelbagai kejohanan antarabangsa akan dianjurkan, melihat jumlah kemudahan hotel di sini ia tidak cukup menampung kedatangan pelancong termasuk luar negara.

"Di Beranang sentiasa menjadi tumpuan, berdekatan dengan Bukit Broga. Jadi pembinaan hotel ini memberi lebih banyak pilihan buat pelancong untuk melawat tempat menarik lain seperti Sungai Congkak dan Sungai Lui," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 8 Ogos.

Tarik tauliah Ustaz Don Daniyal

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengesahkan tauliah mengajar yang diberikan kepada penceramah bebas Ustaz Don Daniyal Bon Bijayid ditarik balik.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tauliah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pada 24 Julai.

"Keputusan penarikan tauliah mengajar Don Daniyal dibuat berdasarkan kuasa jawatankuasa mengikut subseksyen 118 (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang dibaca bersama perenggan 17(d) Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008," katanya.

RM1 tangkap ikan bandaraya

AMPANG JAYA - Insentif RM1 ditawarkan bagi setiap kilogram tangkapan ikan bandaraya sebagai langkah memulihara sungai dan spesies tempatan, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, insentif selama sebulan mulai 1 September itu bertujuan mengurangkan populasi hidupan itu yang menjadi penyebab runtuh tebing sungai dan ban.

"Ikan ini bukan saja makan semua ikan tetapi bina rumah dengan mengorek lubang di tebing sungai, akhirnya tebing rapuh dan runtuh yang boleh menyebabkan banjir," katanya pada 10 Ogos.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim pula memberitahu perincian mengenai insentif dijangka diumumkan pada 25 Ogos dalam program tangkapan ikan berkenaan di Sungai Damansara.

"Insentif ini untuk membuang populasi ikan bandaraya kerana sudah terlalu banyak. Kalau berjaya, kita lanjutkan program itu. Buat permulaan, kita cuba sebulan," katanya.

Taman industri jana pulangan baik

SHAH ALAM - Penganjuran khusus Ekspo Taman Perindustrian Selangor (SPARK) membantu Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) menjana transaksi bernilai tinggi.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han memberitahu strategi Invest Selangor itu menarik lebih banyak syarikat melabur ke dalam negara terutama ke negeri ini.

"Penganjuran SIBS secara dua sesi memberi kejayaan luar biasa. Untuk tahun depan, Invest Selangor akan menilai kedua-dua siri sebelum membuat penambahbaikan.

"Kita jamin perubahan ini memberi nilai tambah sekali gus mampu menaikkan lagi potensi transaksi terutama untuk segmen SPARK, makanan dan minuman," katanya pada 9 Ogos.

Siri pertama sidang niaga pada 25 hingga 27 Julai melibatkan SPARK dan Persidangan Perniagaan Asean Selangor merekod transaksi RM12.2 bilion, hampir dua kali ganda sasaran keseluruhan RM7 bilion.

Lahir bakat baharu aeroangkasa

SHAH ALAM - Pelbagai inisiatif dijalankan bagi memperkasa industri aeroangkasa sekali gus menjayakan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor.

EXCO Belia Najwan Halimi memberitahu kursus latihan penyelenggaraan dan baik pulih enjin pesawat antara usaha menarik belia sekali gus melahirkan tenaga kerja berkualiti.

Menurutnya, penganjuran Pameran Udara Selangor (SAS) yang melibatkan pemain industri utama juga bertujuan memberi pendedahan mengenai bidang aeroangkasa kepada belia.

"Pasaran dalam bidang ini bukan tertumpu lepasan sarjana muda sahaja, malah anak muda berkelulusan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), teknologi maklumat (IT) dan kecerdasan buatan (AI)," katanya pada 9 Ogos.

Sebelum ini, EXCO Pelaburan Ng Sze Han yakin Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor 2020-2030 memacu pembangunan aeroangkasa sekali gus menjadi hab utama perindustrian di Asia Tenggara.

Dianjur sejak 2021, SAS menjadi landasan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor aeroangkasa dan membantu syarikat tempatan serta usahawan

kecil dan sederhana meneroka bidang tersebut.

Terbaharu, Kerajaan Selangor menawarkan program latihan penyelenggaraan dan baik pulih enjin pesawat bermula Oktober depan, bersekalinya bawakan elau.

Dikendalikan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dan GE Engine Services Malaysia Sdn Bhd (GE Malaysia), program perintis selama 12 bulan itu boleh dimohon sehingga 31 Ogos.

Orang ramai yang berminat boleh hubungi talian 016-909 6110 atau 017-388 1401.

Siri 2 sidang niaga Oktober

Sasar nilai transaksi RM1 bilion

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Jangkaan transaksi Sidang Kemuncak Niaga Selangor (SIBS) yang dijadual berlangsung empat hari pada Oktober bernilai hampir RM1 bilion, menurut EXCO Pelaburan Ng Sze Han.

Katanya, ia meliputi Ekspo Antarabangsa Selangor (makanan dan minuman) sebanyak RM600 juta, Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor RM200 juta serta Ekspo Antarabangsa Selangor (perubatan) RM15 juta.

"Sasaran ini berdasarkan rekod da-

lam beberapa penganjuran sebelum ini. Kita yakin jumlah tersebut mampu dicapai sekali gus mengukuhkan status Selangor sebagai pusat pelaburan.

"Buat julung kali, SIBS dianjurkan dua sesi kerana dapat permintaan tinggi negara luar. Acara ini menjadi platform untuk Selangor kuasai pasaran serantau," katanya pada 9 Ogos.

Tahun ini, Kerajaan Negeri menerusi Invest Selangor menganjur SIBS secara dua siri pada 25 hingga 27 Julai dan 16 hingga 19 Oktober.

Siri pertama melibatkan Ekspo Taman Perindustrian Selangor (Spark)

dan Persidangan Perniagaan Asean Selangor (SABC) menjana nilai transaksi RM12.2 bilion, hampir dua kali ganda sasaran keseluruhan RM7 bilion.

Berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, sidang itu menandatangani penyerahan 23 surat setuju terima (LOA), surat hasrat (LOI), memorandum perjanjian (MoA) dan memorandum persefahaman (MoU).

Sidang bertaraf antarabangsa itu menarik kehadiran 8,500 pelawat selain disertai negara Asean, Australia, Kanada, China, Perancis, Jerman, Jepun, dan United Kingdom.

Cabaran kekal berpendapatan tinggi

SHAH ALAM - Selangor perlu mengambil langkah kukuh untuk mengekalkan status berpendapatan tinggi, termasuk menangani cabaran ke arah transformasi ekonomi mampan.

Ahli ekonomi Prof Datuk Rajah Rasiah berkata usaha itu bagi memastikan negeri ini terus mencatat peningkatan berterusan dalam pendapatan negara kasar (GNI) per kapita.

"Negeri ini melalui koordinasi dengan persekutuan mesti memberi tumpuan serius kepada peningkatan kualiti pendidikan dan modal insan, yang merupakan pusat kepada pembinaan ekonomi maju.

"Selangor perlu merangsang peningkatan dalam sektor perkhidmatan, yang dipacu aktiviti berasaskan pengetahuan, termasuk pengembangan

teknologi Revolusi Industri (IR) 4.0," katanya pada 8 Ogos.

Bulan lalu, pakar ekonomi Bank Dunia di Malaysia Dr Apurva Sanghi memaklumkan Selangor sebagai negeri baharu berpendapatan tinggi dengan GNI mencecah RM67,374.

Empat negeri yang melepasi tahap sama ialah Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sarawak dan Labuan melepasi tahap berkenaan dengan wilayah ibu negara tertinggi iaitu RM141,279.



WAKTU SOLAT	15 - 21 Ogos 2024 10 - 16 SAFARI 1446H	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	15 Khamis	5:51	6:01	7:10	1:20	4:37	7:27	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40
	16 Jumaat	5:51	6:01	7:10	1:20	4:36	7:26	8:37	5:52	6:02	7:11	1:21	4:37	7:26	8:37	5:53	6:03	7:11	1:23	4:38	7:29	8:40
	17 Sabtu	5:51	6:01	7:10	1:20	4:35	7:26	8:37	5:52	6:02	7:11	1:21	4:37	7:26	8:37	5:53	6:03	7:11	1:22	4:38	7:28	8:39
	18 Ahad	5:51	6:01	7:10	1:20	4:35	7:26	8:36	5:52	6:02	7:11	1:20	4:36	7:26	8:36	5:53	6:03	7:11	1:22	4:37	7:28	8:39
	19 Isnin	5:51	6:01	7:09	1:20	4:34	7:25	8:36	5:52	6:02	7:11	1:20	4:35	7:25	8:36	5:53	6:03	7:11	1:22	4:36	7:28	8:38
	20 Selasa	5:51	6:01	7:09	1:19	4:33	7:25	8:36	5:52	6:02	7:10	1:20	4:35	7:25	8:36	5:53	6:03	7:11	1:22	4:36	7:27	8:38
	21 Rabu	5:51	6:01	7:09	1:19	4:33	7:25	8:35	5:52	6:02	7:10	1:20	4:34	7:25	8:35	5:53	6:03	7:11	1:21	4:35	7:27	8:38



TELITI... EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin (dua, kiri) melawat reruai dalam Karnival Sihat Selangor Majlis Bandaraya Subang Jaya 2024 bertema Merdeka Denggi sempena sambutan Bulan Kemerdekaan di pusat beli-belah Subang Parade pada 11 Ogos. Foto Facebook Jamaliah Jamaluddin

Bandar bebas karbon, teknologi hijau

Shah Alam Sentral dilancar September

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Projek pembangunan Shah Alam Sentral (SA Sentral) yang dijayakan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 14 di sini bakal dilancar bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKNS Dato' Mahmud Abbas memberitahu projek ikonik dengan kos RM2 bilion itu menegenakkan ciri bandar bebas karbon serta teknologi hijau.

"Projek berskala besar itu sebenarnya telah bermula dengan proses membaik pulih Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) termasuk kawasan letak tempat kereta.

"Projek peremajaan pusat bandar Seksyen 14 itu dilancarkan bulan depan dan dijangka siap antara lapan hingga 10 tahun," katanya dalam sambutan ulang tahun ke-60 PKNS di sini pada 8 Ogos.

Program di Pusat Konvensyen Shah Alam itu disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Hadir sama, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Mahmud juga menambah cadangan perobohan pusat beli-belah SACC yang terangkum dalam projek pembangunan SA Sentral dijangka bermula pada akhir tahun 2026 atau

awal 2027.

Beliau menjelaskan perobohan berkenaan bertujuan membangunkan sebuah pusat pameran kesenian bertaraf antarabangsa selain mengurangkan persaingan dengan Kompleks PKNS.

"Lebih 100 usahawan pusat beli-belah SACC sudah dimaklumkan mengenai perkara itu dan mereka akan dipindahkan ke Plaza Alam Sentral atau Plaza Perangsang," katanya.

April lalu, Amirudin berkata projek peremajaan Shah Alam merangkumi bangunan pusat beli-belah SACC, Plaza Perangsang, Kompleks PKNS serta Menara Bank Rakyat dijangka bermula hujung tahun ini.

Pembaharuan projek pembangunan

SHAH ALAM - Sempena ulang tahun ke-60 penubuhannya tahun ini, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sedia memberi nafas baharu terhadap projek pembangunan milik agensi itu.

Ketua pegawai eksekutif kumpulan berkata ia turut didorong penubuhan jawatankuasa Lembah Klang Raya, yang membantu perbadanan itu mengenal pasti projek pembangunan semula yang sesuai.

"Salah satu daripada matlamatnya untuk mengatur balik gerak kerja Kerajaan Negeri dan melihat pembangunan lama, termasuk projek pembangunan semula seperti di Petaling Jaya.

"Sama ada ada peluang untuk buat, kita akan lihat. Ini kerana PKNS juga ada dalam jawatankuasa itu," kata Dato' Mahmud Abbas dalam sambutan ulang tahun ke-60 PKNS pada 8 Ogos.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato'

Seri Amirudin Shari berkata gabungan Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang sebagai Lembah Klang Raya mampu bersaing dengan kota utama Asia melalui prasarana berkualiti.

Sementara itu, Mahmud menambah PKNS bakal mengembangkan operasinya bukan sekadar membina rumah kos rendah, tetapi memastikan kemampanan dan meningkatkan mobiliti sosial penduduk.

Kukuh kualiti urus sumber air

AMPANG JAYA - Dasar Pelepasan Sifar (ZDP) yang diwartakan pentadbiran negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pada 20 Jun terus memperkukuh kualiti pengurusan sumber air negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ZDP menggalakkan pengusaha, operator kilang serta premis terutama peringkat industri supaya tidak mengeluarkan efluen dan melaksanakan usaha pengurusan sisa.

Katanya, 13 aktiviti di persekitaran sumber air dan lembangan sungai ditetapkan dalam ZDP termasuk akuakultur air tawar, air payau dan air masin, pembangunan atau kerja tanah, perladangan unggas dan penternakan ruminan.

"Ia adalah aktiviti yang memang mengeluarkan efluen menyebabkan kesan kepada kualiti air sama gangguan pencemaran, keladak atau kekeruhan yang memberi kesan kepada muka sauk dan juga loji rawatan air kita," katanya pada 10 Ogos.

RM65,000 bantu dua persatuan sukan

HULU LANGAT - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyumbang RM65,000 kepada kontinjen angkat berat dan judo bagi mengharungi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Sarawak.

Yang dipertuannya berkata MPKj selaku bapa angkat menyerahkan bantuan wang tunai untuk perbelanjaan dan pengurusan sepanjang kejohanan selain barangan keperluan sukan.

"Diharap sumbangan ini memberi sokongan agar persiapan mereka berjalan lancar sekali gus memberi komitmen dan prestasi terbaik sepanjang kejohanan nanti," kata Nazli Md Taib pada 13 Ogos.

Pengurus pasukan angkat berat kontinjen Selangor Azhar Derani berkata seramai empat atlet diturunkan dengan sasaran dua emas.

Bersama kibar bendera Malaysia

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan kempen kibar Jalur Gemilang bagi membangkitkan semangat cintakan negara sempena Bulan Kebangsaan.

Pihak berkuasa tempatan itu menyeru semua pihak mengibar bendera Malaysia di kenderaan, rumah, premis dan bangunan di sekitar Shah Alam.

"MBSA telah menyerahkan bendera Jalur Gemilang kepada ahli majlis dan 16 agensi daripada sekitar Shah Alam sebagai simbolik kempen kibar Jalur Gemilang ini.

"Kempen ini disempurnakan oleh Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim bersama ahli-majlis dan pengurusan tertinggi MBSA," maklumnya menerusi kenyataan pada 13 Ogos.

Gilap kebolehan pemimpin wanita

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mempe-
runtuk RM35,000 bagi program biasiswa
Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan
pengkhususan Kursus Pengajian Gender
peringkat doktor falsafah (PhD).

EXCO pembangunan wanita berkata
tawaran sehingga 31 Ogos itu terbuka
kepada alumni Akademi Kepimpinan
Wanita (AKW) berusia 21 hingga 55 ta-
hun dan warganegara Malaysia berusia
21 hingga 45 tahun.

Jelas Anfaal Saari, sebanyak 10 per-
mohonan untuk kelayakan ke peringkat
temu duga dan satu kuota diperuntuk
untuk tajaan pengajian itu.

"Graduan PhD dalam Pengajian Gen-
der mempunyai peluang menceburi
pelbagai bidang termasuk akademik,
penyelidikan, kerja sosial, perundingan
dasar, organisasi bukan kerajaan (NGO),
sektor awam dan swasta," katanya pada
13 Ogos.

Edar Jalur Gemilang semarak patriotik

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Sela-
ngor (Mais) mengedar 2,000 Jalur Gem-
ilang mini di Dataran Kemerdekaan di sini,
bagi menyemarakkan semangat patriotik
dalam kalangan masyarakat.

Serahan itu disempurnakan Pengerusi
Mais Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dalam
program larian kemerdekaan dengan ker-
jasama Majlis Bandaraya Shah Alam sem-
pena Hari Shah Alam Tanpa Kenderaan.

"Kegemilangan dan semangat ini hen-
daklah dihayati agar semangat cintakan
negara dan mengingati kejayaan pejuang
kemerdekaan sentiasa disemarakkan.

"Hayati semangat kemerdekaan den-
gan mempergiatkan pelbagai aktiviti
dan program kemerdekaan dan bersama
mengibarkan Jalur Gemilang," katanya
pada 11 Ogos.

Sertai kursus senggara pesawat

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor me-
nawarkan program latihan penyeleng-
garan dan baik pulih enjin pesawat ber-
mula Oktober depan, bersekali bayaran
elaun.

Dikendalikan Menteri Besar Selangor
(Pemerbadanan) dan GE Engine Services
Malaysia Sdn Bhd (GE Malaysia), program
perintis selama 12 bulan itu boleh dimo-
hon sehingga 31 Ogos.

Selain menerima sokongan mentor
daripada pakar berkaitan, peserta juga
didedahkan kepada industri aeroangkasa
dan menjalani latihan industri serta pelu-
ang kerjaya bersama GE Malaysia.

Orang ramai yang berminat boleh
hubungi talian 016-909 6110 atau 017-
388 1401.

Cuepacs hargai usaha Selangor

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan
Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan
Awam (Cuepacs) menghargai usaha
Kerajaan Selangor bersedia lebih awal
bagi melaksana sebarang bentuk kelu-
lusan kerajaan persekutuan.

Presidennya Datuk Dr Adnan Mat
berkata perkara itu dapat dilihat me-
nerusi pengumuman Dato' Menteri Be-
sar Dato' Seri Amirudin Shari berkaitan
kenaikan gaji penjawat awam pada 5
Ogos.

"Dato' Menteri Besar maklum kadar
atau peratusan akan mengikut sama
seperti diumumkan perdana menteri pada
Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan
Awam ke-19 pada 16 Ogos ini.

"Ini bermakna Selangor bersedia leb-
ih awal untuk menerima pakai apa saha-
ja bentuk kelulusan yang akan dibuat di
peringkat kerajaan persekutuan.

"Cuepacs mengucapkan ribuan teri-
ma kasih kepada kepimpinan Kerajaan
Selangor yang lebih awal bersedia de-

ngan segala kemungkinan (pengumu-
man)," katanya pada 7 Julai.

Adnan turut meminta penjawat
awam di Selangor supaya memberi ke-
sungguhan tinggi dan meningkatkan
produktiviti selaras kenaikan gaji yang
bakal diterima mereka.

"Terus tumpu beri perkhidmatan ter-
baik kerana negeri ini jauh lebih maju
dan sudah tentulah pelanggannya dan
pemegang taruhnya terdiri daripada
pelbagai peringkat," katanya.

Erat perpaduan masyarakat

Rumpun Selangor ke tiga daerah lagi

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

KUALA LANGAT - Program Gagasan
Rumpun Selangor diteruskan ke tiga
daerah lagi bagi memupuk semang-
gat perpaduan dalam kalangan mas-
yarakat.

EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail
memberitahu program berkenaan di-
jadual berlangsung di Klang, Sabak
Bernam dan berakhir di Gombak.

"Daerah Klang dijadualkan pada
hujung bulan ini manakala Sabak Ber-
nam tarikh masih belum ditetapkan
namun berkemungkinan besar awal
November.

"Mengikuti jadual asal di Sabak Ber-

nam sepatutnya pada Ok-
tober namun Duli Yang
Teramat Mulia Raja
Muda Selangor mem-
punyai jadual lain.

"Gombak menutup
tirai siri jelajah tahun
ini yang diadakan pada
Disember. Tarikh jelajah di-
maklumkan kelak," katanya.

Beliau mengiringi Tengku Amir Shah
melawat Kompleks Islam Daerah Kuala
Langat sempena program itu pada 7
Ogos.

Rizam memaklumkan siri jelajah
di Kuala Langat menampilkan sedikit
kelainan dengan mengetengah kepe-
lagaan budaya di daerah itu.



Gagasan Rumpun Selangor
diperkenalkan bagi memperkukuh
semangat perpaduan nasional
dan sistem masyarakat di ne-
geri ini.

Pelaksanaannya meliputi
karnival dan eksplorasi, dasar,
lagu perpaduan serta penstruk-
turan dan pemerkasaan institusi ke-
pimpinan kampung.

Gagasan tersebut menjelajah ke
lima daerah bermula Februari di Hulu
Selangor diikuti Hulu Langat, Sepang,
Petaling dan Kuala Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amiru-
din Shari ketika membentang Belan-
jawan Selangor 2024 memperuntuk
RM4.5 juta bagi menjayakan program itu.

Muzium tekstil pelihara warisan

SHAH ALAM - Muzium Tekstil akan
dibuka dalam masa terdekat bagi
memelihara kesenian warisan tekstil,
kata EXCO Kebudayaan Borhan Aman
Shah.

Beliau menjelaskan pelbagai jenis
tekstil tradisional berstatus tinggi
seperti telepek, kelingkan, songket
dan Batik Selangor dipamer di mu-
zium berkenaan.

"Buat masa ini, kita masih lagi men-
cari lokasi bersesuaian dan ia perlu
dilakukan dalam kadar segera kerana
peruntukan telah diluluskan oleh Ke-
rajaan Negeri.

"Muzium itu akan dilengkapi de-
ngan rumah tenun, selain disediakan
pelbagai aktiviti berkaitan antaranya
mencanting batik," katanya seperti di-
lapor Bernama pada 7 Ogos.

Beliau melawat Kilang Batik Yaring
dan Barahom Barzaar di Pattani sem-
pena program Silang Budaya Sela-
ngor dan Thailand 2024.

Borhan turut bercadang mengada-
kan pertandingan rekaan batik bagi
memperkenalkan dan mempromosi Batik
Selangor yang bermotif corak bunga
tanjung kelopak sembilan sebagai
identiti negeri.

RM500,000 jaya program Orang Asli

SHAH ALAM - Peruntukan RM500,000
disediakan bagi menjayakan pelbagai
program pembangunan Orang Asli
sepanjang tahun ini, kata EXCO Hal Ehwal
Orang Asli V Papparaidu.

Beliau memberitahu dana RM246,832
disalur untuk program pendidikan, pro-
jek naik taraf kediaman dan baik pulih
prasarana setakat Julai.

"Kita akan pastikan keperluan dan su-
ara Orang Asli dipenuhi khususnya ber-

kaitan tanah adat dan kemajuan prasa-
na mereka," katanya sempena sambutan
Hari Orang Asli sedunia pada 8 Ogos.

Papparaidu berkata kebajikan golo-
ngan berkenaan termasuk aspek pendi-
dikan menjadi keutamaan pentadbiran
negeri bagi memastikan mereka tidak
tercicir dari arus pembangunan.

"Kerajaan Negeri sedia pelbagai ban-
tuan termasuk Program Khas Biasiswa
Sagong Tasi untuk membantu mereka

melanjutkan pelajaran di institusi penga-
jian tinggi.

"Saya juga minta pimpinan Orang Asli
dan Tok Batin untuk sama-sama cakna
mengenai kepentingan pendidikan pada
anak-anak Orang Asli," katanya.

Menurut Papparaidu, sambutan pe-
ringkat Selangor dan Wilayah Persekutu-
an diadakan pada 25 Ogos di Kampung
Orang Asli Serigala, Hulu Selangor diha-
diri kira-kira 500 tetamu.



Raja Tan Sri Arshad (kiri) diiringi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Abdul Rahman Ahmad (kanan) bersama rakan korporat dalam Majlis Jalinan Rakan Korporat Minggu Saham Amanah Malaysia 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam pada 7 Ogos. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Minggu Saham Amanah Malaysia 22 Ogos

Peluang pengunjung menang RM1 juta

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Permodalan Nasional Berhad (PNB) menawarkan pelbagai hadiah menarik bernilai sehingga RM1 juta kepada pengunjung Minggu Saham Amanah Malaysia antara 22 Ogos hingga 25 Ogos.

Pengerusi Kumpulan PNB Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata hadiah utama sebuah unit apartment servis di Serasi Residences, Putra Heights dan kereta elektrik BYD Dolphin Standard tajaan Sime Darby.

Hadiah ketiga dan keempat dalam program di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam adalah Perodua Axia 1.0L AV dan Perodua Ativa 1.0L Turbo AV tajaan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd.

"Elemen STEM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik menjadi tumpuan bagi memberi inspirasi kepada anak muda," katanya dalam Majlis Jalinan Rakan Korporat pada 7 Ogos.

Acara empat hari itu akan disertai 50 gerai pempamer terdiri daripada syarikat Kumpulan PNB, bank, badan kawal selia dan agensi Kerajaan Negeri.

Menurut Raja Arshad, banyak kegia-

tan menarik termasuk Festival Muzik Mini, Karnival Makanan Mini (Maybank Islamic MAE-Dan Selera) dan Festival Auto diadakan sepanjang kempen itu.

Katanya, PNB menganjur program literasi kewangan lain seperti Sembang-Sembang ASNB, Kuiz Pelaburan PNB, Kelab Pelaburan Bijak PNB, Fiesta Labur PNB @ Home dan Ramah Mesra ASNB.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang www.pnb.com.my/msam/, Instagram [minggusahamdigital](https://www.instagram.com/minggu_saham_digital) dan Facebook Minggu Saham Amanah Malaysia.

Tumpu 242 lokasi risiko bah

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) menumpu 242 lokasi berisiko banjir sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh hujung tahun ini.

Pengurus Besar Operasi Mohd Idris Mohamed Yusof berkata 51 kawasan titik panas dikenal pasti sekitar pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam dan 47 lagi bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

"Ini kawasan yang kita selalu pantau supaya tidak berlaku daripada banjir kilat kepada banjir yang besar," katanya

dalam program Hai Selangor pada 12 Ogos.

Tambah Mohd Idris, lebih 1,000 tenaga kerja ditugaskan selain 1,178 aset termasuk lori kompaktor untuk mempercepatkan kerja pembersihan dan pengaliran air.

"KDEBWM juga bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi termasuk pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran untuk memastikan gerak kerja berkesan," katanya.

Mengulas mengenai banjir kilat yang kerap melanda kawasan bandar,

Mohd Idris berkata KDEBWM memantau sistem saliran di beberapa kawasan perniagaan khususnya kedai makan.

"Ia susulan aktiviti perniagaan tersebut berpotensi menyumbang kepada pembuangan sisa secara terus ke saliran longkang sehingga menyebabkannya tersumbat.

"Kita tumpu dan semak supaya sistem aliran tidak tersumbat, jadual kerja akan ubah sedikit supaya dapat tumpukan tempat terbabit dapat mengalirkan air dan dapat mengelakkan berlaku banjir kilat," katanya.

RM19.4 juta bimbing asnaf riqab

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memperuntuk RM19.48 juta untuk melaksanakan pelbagai program bagi membantu asnaf riqab tahun ini.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Yusof berkata perbelanjaan membabitkan aktiviti pemulihan, perlindungan, rawatan dan pencegahan supaya mereka kembali ke pangkal jalan.

"Peruntukan berdasarkan sumbangan geran pemulihan kepada rumah pemulihan riqab, program kursus dan latihan asnaf riqab, perkhidmatan guru pembimbing riqab serta sumbangan kebajikan asnaf riqab.

"Ia termasuk program pemulihan dan pendidikan yang dilaksanakan tiga rumah pemulihan majlis dan 26 rumah pemulihan riqab bawah Mais yang berperanan membantu pemulihan mereka yang mengalami masalah sosial dari pelbagai kategori," katanya dalam kenyataan pada 12 Ogos.

Sewa tapak percuma tiga bulan

SHAH ALAM - Medan selera di Taman Lembah Keramat, Gombak yang terjejas akibat kebakaran dua minggu lalu selesai dibersihkan.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Dr Ani Ahmad berkata kerja pembersihan sehingga 11 Ogos itu menelan kos hampir RM15,000.

"Peniaga kini boleh berniaga di tapak sementara berhampiran medan selera terbakar. Tapak sementara ini merupakan kawasan parkir dan tidak mengganggu lalu lintas.

"Untuk tiga bulan pertama ini mereka tidak dikenakan sebarang bayaran dan hanya mula membayar sewa tapak RM310 sebulan yang akan dikutip bermula Oktober nanti," katanya pada 13 Ogos.

Sejarah Klang tarik pelancong

KLANG - Bandar Diraja Klang berpotensi menjadi destinasi pelancongan utama negeri sempena Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) berikutan memiliki pelbagai kisah sejarah menarik.

Pemangku Pengurus Pembangunan Produk dan Pakej Tourism Selangor S Renuga Devi berkata kebanyakan bangunan di Klang berusia lebih 100 tahun sekali gus menjadikannya antara bandar tertua di Malaysia.

"Sejarah Klang yang pelbagai merupakan tarikan keistimewaan Klang itu sendiri. Ini kerana banyak bangunan di bandar ini sudah berumur lebih 100 tahun.

"Sebenarnya banyak boleh diteroka di Klang. Kami sasarkan kehadiran ramai pelancong antarabangsa dan tempatan dan kita mahu memperkenalkan sejarah Klang kepada dunia," katanya pada 13 Ogos.

Pandu dua jam ke jelajah kerja

KUALA LANGAT - Peserta jelajah JobCare sanggup memandu hampir dua jam dari Beranang, Semenyih untuk hadir ke karnival kerjaya di Banting.

Walaupun jauh, Rizq Fikri Azmi, 24, berkata beliau enggan melepaskan peluang untuk mencari peluang baharu selepas berhenti kerja sebagai juruteknik.

"Sebelum ini saya juga pernah kerja di bahagian pemasaran. Apabila mengetahui ada jelajah ini saya ambil keputusan untuk hadir walaupun agak jauh.

"Jelajah ini bagus kerana kami yang sedang mencari pekerjaan boleh menghantar 'resume' di beberapa syarikat yang bersesuaian dengan kelayakan sekali gus jimat masa," katanya pada 10 Ogos.

Jelajah sama diteruskan di Dewan Beringin Taman Seri Gombak (21 September), Dewan Hamzah Klang (5 Oktober) dan Dewan Dato' Penggawa Permatang, Kuala Selangor (19 Oktober).

1,200 mohon bantuan RM300

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Kelang menerima lebih 1,200 permohonan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) yang dibuka sejak Julai.

Penyelaras DUN Juwairiya Zulkifli berkata pihaknya giat menjalankan saringan bagi mengisi 480 kuota ditetapkan.

"Kita telah luluskan separuh daripada kuota yang diberikan untuk DUN Hulu Kelang dan saringan diperketat supaya utamakan benar-benar layak.

"Bagaimanapun, bantuan keperluan lain selain BINGKAS seperti agihan bakul makanan diteruskan untuk diagih kepada golongan kurang berkemampuan," katanya pada 12 Ogos.

Beliau menjelaskan pihaknya mempergiat usaha hebahan inisiatif Kerajaan Negeri yang lain ke peringkat masyarakat.

Baiki lampu isyarat dalam 24 jam

SHAH ALAM - Beberapa jalan dan lampu isyarat rosak siap dibaiki syarikat penyelenggara jalan negeri Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) selepas 24 jam menerima aduan orang ramai.

Infrasel memaklumkan pihaknya menurap jalan rosak di Jalan Khamis dan Jalan Belimbing masing-masing di Meru, Klang awal bulan ini.

Turut diturap Jalan 2D dan 4D Kampung Baru Subang pada 24 Julai selain membaiki lampu isyarat rosak di Kota Warisan, Sepang pada 2 Ogos.

"Teruskan membuat aduan dengan memuat naik ciapan di X bersama hashtag #INFRASEL #NamaJalan #Daerah," menurut agensi tu di laman X.

Pam skru mampu elak bah berulang

SHAH ALAM - Penduduk sekitar Taman Sri Muda dekat sini menarik nafas lega berikutan pemasangan tiga unit pam skru berupaya mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan.

Wakil rakyat Kota Kemuning S Preakas berkata penduduk selama ini gelisah jika hujan lebat kerana bakal berdepan risiko air naik selain bimbang banjir besar Disember 2021 berulang.

"Pembinaan pam skru ini memberi kelegaan kepada penduduk. Mereka bersyukur pembinaan pam ini dilakukan pantas dan membolehkan ia digunakan segera.

"Pam ini bukan hanya mampu

mengepam air keluar tetapi juga boleh menyedut dan mengeluarkan sampah tersangkut. Ini dapat mengelakkan kejadian banjir," katanya pada 12 Ogos.

Preakas percaya kejadian banjir dapat diatasi sepenuhnya apabila pelan mitigasi melibatkan kos RM100 juta di DUN berkenaan siap menjelang 2029.

"Kita galakkan penduduk untuk jaga kebersihan. Ahli majlis juga diminta anjur aktiviti gotong-royong supaya sampah dapat diurus dengan baik dan air boleh mengalir," katanya.

Penduduk Naramjeet Singh, 62, yang menetap di situ sejak 1987 berharap kejadian banjir tidak berlaku lagi sekali

gus mengelakkan keluarganya mengalami kerugian.

"Sejak 1987, rumah kerap dinaiki air. Selalu paras buku lali atau lutut. Paling teruk pada 1994 air paras dada manakala 2021 rumah tenggelam.

"Saya alami kerugian besar. Tiga kereta Mercedes dan Volvo rosak teruk. Semua perabot, barangan tidak boleh guna. Saya harap pembinaan rumah pam ini dapat atasi banjir," katanya.

Pada 5 Ogos EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim merasmikan tiga pam skru bernilai RM7.1 juta yang mampu mengepam keluar air lima ganda selain mengeluarkan sampah tanpa sangkut.

Enam petani terima geran

RM970,000, laksana tanaman kontan

Oleh **UFAIRAH TARMIDZI**

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) memperuntuk RM970,000 kepada enam petani untuk menjayakan projek Tanaman Kontan Bernilai Tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata projek itu menumpukan tanaman yang memberi pulangan hasil tinggi dan dituai dalam tempoh kurang setahun.

Beliau memberitahu usaha tersebut lanjutan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebelum ini.

"Hasil tanaman mestilah melibatkan tanaman kontan dan bernilai tinggi seperti cili. Pelbagai program disediakan bawah KPKM dan Kement-

terian Ekonomi.

"Selain tu, kita lihat juga keluasan ladang serta teknologi digunakan," katanya dalam majlis penyerahan sijil rakan strategik projek itu di ibu pejabat PKPS pada 5 Ogos.

Jelas Dr Mohamad Khairil, semua peserta menerima dana tunai untuk pembelian barangan tanaman kontan dan pihaknya memantau perkembangan projek setiap minggu.

Februari lalu, PKPS menandatangani MoU bersama KPKM membabitkan peruntukan RM24 juta untuk memperkukuh agenda keterjaminan makanan bawah kerangka Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA).

Peserta program Nazri Selamat bersyukur terpilih sebagai rakan strategik PKPS dalam usaha membantu pentad-

biran negeri melaksanakan pertanian berdampak tinggi.

Beliau yang memulakan tanaman pisang tanduk di tanah seluas 15 ekar di Sungai Besar sejak empat tahun lalu berhasrat menghasilkan lebih banyak produk sama menggunakan geran RM250,000.

"Saya bercadang perbesar dan perluaskan lagi tanaman pisang tanduk kerana banyak permintaan tetapi kita tidak boleh penuhi," katanya.

Peserta lain Mohd Izzat Ismail pula tidak menyangka permohonannya untuk menjadi sebahagian rakan strategik PKPS diterima selepas melalui beberapa saringan sebelum ini.

Bermula tanaman durian pada 2016, beliau yang mengusahakan betik jenis Sekaki Callina sejak tahun lalu dalam proses menambah keluasan tanah.



300 diterima bekerja serta-merta

SHAH ALAM - Seramai 276 individu diterima bekerja serta-merta sepanjang tiga siri jelajah JobCare Selangor yang bermula Jun lalu.

Pegawai operasi Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor memberitahu 153 orang terpilih bekerja di Petaling Jaya dan tertinggi sepanjang karnival berkenaan.

"Seramai 91 individu diterima kerja Jelajah JobCare di Hulu Selangor dan 32 individu terpilih di Kuala Langat.

"Menerusi tiga siri jelajah ini juga, hampir 800 calon bakal dipanggil untuk sesi temuduga kedua. Setakat ini, sambutan diterima amat menggalakkan,"

kata B Anbarasu pada 12 Ogos.

Sementara itu, EXCO sumber manusia berkata karnival kerjaya di Kuala Langat mendapat sambutan menggalakkan dengan kehadiran lebih 300 individu setakat jam 12 tengah hari pada 10 Ogos.

V Papparaidu memberitahu lima individu diterima bekerja serta-merta manakala selebihnya akan menjalani sesi temu duga kali kedua.

"Ini lokasi jelajah ketiga, ada enam lagi lokasi sepanjang tahun ini. Sambutan diterima amat menggalakkan dengan penglibatan 33 syarikat pelbagai bidang yang tawarkan jawatan kosong.

"Program ini tidak hanya terbuka

untuk pencari kerja tetapi pelajar juga dipelawa hadir bagi melihat tawaran kerja di pasaran yang sekaligus membantu mereka pada masa depan," katanya.

Peserta karnival kerjaya R Harish Raj, 18, berharap dapat memperoleh pekerjaan yang baik bagi menampung tabungannya untuk melanjutkan pelajaran tahun hadapan.

"Saya telah tamat persekolahan dan sememangnya mencari pekerjaan. Saya bercadang untuk kumpul gaji bagi menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi pada tahun hadapan," katanya.



Bangkit dari simbahan asid

PEMULIHAN FAISAL HALIM

5 MEI Disimbah asid akibatkan muka, tengkuk, bahu dan tangan lecur tahap empat

25 MEI Keluar hospital selepas jalani empat pembedahan cantuman kulit

13 JUN Tampil dalam sidang media, dedah hampir berhenti bola sepak

4 JULAI Mula turun padang untuk jalani latihan fizikal

3 OGOS Disenarai dalam perlawanan separuh akhir Piala FA, tidak bermain

10 OGOS Beraksi 10 minit dalam Liga Super lawan Kelantan

Oleh SHEEDA FATHIL

Peluang pemain Selangor FC Faisal Halim yang disimbah asid lebih 100 hari lalu untuk beraksi dalam perlawanan akhir Piala FA pada 24 Ogos menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) kian cerah.

Kemungkinan tersebut berdasarkan kemunculan semula pemain tersebut dalam dua perlawanan Liga Super menentang Kelantan pada 10 Ogos diikuti Sabah (13 Ogos) meski sekadar sebagai gantian.

Aksi penjaring gol terbaik Piala Asia 2023 di Qatar itu juga dilihat menyerlah dalam perlawanan menentang Kelantan di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya meski hanya 10 minit.

Masuk pada minit ke-85, Faisal hampir menjaringkan gol apabila tandukannya mengenai palang gawang lawan dua minit kemudian. Pemain itu juga beraksi mulai minit ke-81 menentang Sabah.

Sebelum perlawanan itu, kelibat beliau yang memakai topeng khas pada sesi panas badan dalam perlawanan aksi separuh akhir kedua Piala FA menentang Terengganu FC mendapat sorakan gamat.

Topeng itu bagi melindungi saraf dan luka yang belum benar-benar pulih. Pelindung muka itu rekaan penyelidik Universiti Malaya berdasarkan nasihat Jabatan Pemulihan Kecederaan Sukan.

Faisal juga hampir pasti membuat kemunculan khas dalam kejohanan berprestij Piala Sultan Selangor (TSSC) menentang Pilihan Singapura di Stadium Merdeka pada 17 Ogos.

"Saya ada berjumpa Faisal bersama pemain Selangor lain. Beliau bersedia untuk beraksi pada perlawanan nanti," kata Pengerusi dan Pengurus TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar pada 6 Ogos.

Untuk perlawanan akhir Piala FA menentang JDT di Bukit Jalil, EXCO sukan percaya kelincuhan Faisal memberi kelebihan buat Selangor FC seterusnya menjulang piala itu buat kali keenam.

Pertarungan itu dijangka sengit berikutan JDT lawan sama dalam Piala Sumbangsih sebelum Selangor FC menarik diri ekoran tragedi yang menimpa Faisal lima hari sebelum perlawanan.

Peluang rangkul piala

Najwan Halimi percaya kelincuhan pemain kebangsaan itu bakal membantu kepada Selangor FC untuk mengatasi cabaran JDT seterusnya menjulang Piala FA buat kali keenam.

Beliau juga berharap pemain yang dikenali sebagai Mickey itu diturunkan dalam kesebelasan utama tetapi keputusan akhir sepenuhnya di tangan Ketua Jurulatih Selangor FC Nidzam Jamil.

"Kita tidak sesekali meremehkan pasukan lawan, JDT pun memang ada kekuatan dan keupayaannya sendiri tetapi kita melihat ada ruang dan peluang Selangor FC untuk merangkul kejuaraan.

"Namun, kita harap Selangor FC boleh mempertimbang untuk menyenaraikan Faisal dalam tonggak kesebelasan utama, bergantung kepada tahap kecederaan beliau," katanya pada 11 Ogos.

Pada 5 Mei, dua lelaki menyimbah asid



terhadap Faisal di tempat letak kenderaan sebuah pusat beli-belah di Petaling Jaya mengakibatkan beliau terpaksa dimasukkan ke unit rawatan rapi.

Insiden tersebut dipercayai pertama kali berlaku melibatkan atlet negara mengakibatkan Faisal melecur tahap empat di muka, tengkuk, dada, bahu dan tangan.

Ekoran kecederaan yang menjejaskan lapisan kulit sehingga melibatkan otot dan tulang, pemain itu terpaksa menjalani empat pembedahan cantuman kulit untuk menutup bahagian tubuh yang rosak.

Pembedahan yang dilakukan pakar perubatan luar negara menelan kos lebih RM30,000. Pengerusi Selangor FC Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah yang juga Raja Muda Selangor menanggung kos rawatan dan perubatan sehingga pemain itu pulih.

Kejadian tersebut dikecam orang ramai termasuk Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang menggesa polis membuat siasatan hingga pelakunya ditangkap.

Menangis hayati skrip 'Lahad Datu'

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Demi menayakan filem Takluk: Lahad Datu, pelakon Syafiq Kyle sanggup menerima latihan intensif 69 komando Polis Diraja Malaysia atau VAT69 selama seminggu di kem Ulu Kinta, Perak.

Dalam latihan itu, Syafiq atau nama sebenar Mohd Syafiq Shamim Abdul Razak terpaksa berlari sehingga empat jam selain diajar cara menggunakan senjata dalam formasi Tempur Jarak Dekat (CQB).

Latihan bela diri khusus untuk anggota komando itu berat dan bersifat agresif. Ia diajar bagi membolehkan anak kelahiran Kuala Lumpur itu dapat membawa watak DSP Zambri dengan berkesan dalam karya berkenaan.

"Saya dan pelakon lain dilayan betul-betul macam budak baharu jadi komando. Latihan sangat agresif dan tegang. Ia sukar, tapi perlu demi memastikan kami mempunyai persediaan cukup," katanya ketika ditemui pada majlis pratonton filem itu, baru-baru ini.

Cabaran melakonkan karya itu tidak terhenti situ. Seminggu selepas latihan intensif, Syafiq dan barisan kru filem ke lokasi pertempuran sebenar antara pasukan keselamatan dan pengganas Sulu yang berlaku 10 tahun lepas.

Pelakon drama rangkaian Nur itu berkata, penggambaran dibuat di Kampung Air, Lahad Datu yang keadaannya kurang selesa. Kawasan pedalaman itu banyak sampah, tidak terurus dan kemudahannya daif. Cuaca kampung di tepi laut itu juga tidak menentu selain angin kuat.

"Jadi, latihan persediaan di kem banyak membantu untuk berhadapan dengan cabaran sepanjang penggambaran," katanya.

Di sebalik ketidakelesaian itu, Syafiq merasakan dirinya bertuah apabila anggota polis

sebenar terlibat krisis Lahad Datu turut menemaninya sepanjang dua bulan penggambaran di Sabah.

Penggambaran turut dijayakan anggota VAT69 yang pernah bertempur dengan pengganas Sulu, sekali gus memberi kelebihan kepada Syafiq menggerakkan wataknya selain menghayati babak dilakonkan.

Ketika berlakon bersama, artis berumur 32 tahun mengambil kesempatan menggeledah cerita belakang tabir yang hanya disimpan anggota komando, termasuklah kisah gugurnya 10 wira negara dalam insiden tersebut.

"Dalam filem, saya perlu beri arahan dan kata semangat di hadapan komando sebenar. Itu satu cabaran. Saya bersyukur kerana komando sangat baik dan tidak lokek memberikan sumbang saran untuk menayakan watak.

"Saya juga dengar sendiri pendedahan dan pengalaman mereka semasa terjadinya krisis itu, tetapi tidak boleh kongsi kerana sensitif. Apa yang boleh saya katakan, semangat dan pengorbanan mereka penting kita bawa ke layar perak," katanya.

Filem berat

Syafiq membintangi 14 filem sejak 2018 dan dua daripadanya pada tahun ini iaitu Sheriff: Narko Integriti mengutip RM64 juta dan The Experts (RM10 juta).

Bagaimanapun, pemenang tempat kedua Hero Remaja musim 2011/2012 itu menyifatkan naskhah Takluk: Lahad Datu paling sukar dilakonkannya sepanjang 13 tahun bergelar anak seni. Beliau mendedahkan beberapa kali menangis membaca skrip filem itu.

Padanya, negara kekurangan naskhah bergenre patriotik dan berharap kehadiran filem ini sempena bulan kebangsaan dapat menyuntik semangat cintakan negara kepada generasi muda.

"Kita tidak banyak filem yang cerita tentang tanah air dan bangsa. Dalam setahun, kita ada sebulan sahaja yang buat kita rasa semangat

patriotik.

"Generasi akan datang kena tahu apa yang terjadi kepada wira yang berkorban sebelum mereka. Kita tidak boleh salahkan mereka jika kurang menghargai kerana kitalah yang tidak memberikan semangat itu kepada mereka," ujarnya.

Pada 2013, negara digemparkan dengan pencerobohan pengganas Sulu di perairan Sabah menyaksikan berlakunya pertempuran antara pasukan keselamatan negara dengan kumpulan pengganas itu pada Mac 2013.

Insiden di Sabah kira-kira sedekad lalu itu menjadi inspirasi menghasilkan filem Takluk: Lahad Datu arahan Zulkarnain Azhar.

Tayangan awal di beberapa pawagam terpilih pada 16 Ogos, manakala tayangan di seluruh negara pada 22 Ogos.

Selain Syafiq, filem berkenaan juga dibintangi Kamal Adli, Fikry Ibrahim, Anding Indrawani, Eman Manan, Riezman Khuzaimi, Josiah Hogan, Ayez Shaukat dan Mustaqim Bahadon.



Saya dan pelakon lain dilayan betul-betul macam budak baharu jadi komando. Latihan sangat agresif dan tegang. Ia sukar, tapi perlu demi memastikan kami mempunyai persediaan cukup

Cekal hadapi musibah

Oleh **NAZLI IBRAHIM**
Foto **FIKRI YUSOF**

Dua musibah dalam masa singkat mengakibatkan dua peniaga wanita yang mengusahakan tanaman bunga roselle menanggung kerugian besar. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Mac 2020 hingga Disember 2021 menyebabkan 2,500 pokok bunga itu mati berikutan mereka tidak dapat mengurus tanaman tersebut. Mereka kerugian RM30,000.

Setahun kemudian, banjir besar menghanyutkan bahan binaan projek premis perniagaan mengakibatkan Siti Suraya Shariff, 41, dan rakan kongsinya Farkhana Nasron, 38, rugi RM40,000 pula.

Tidak berputus asa, mereka cekal meneruskan perniagaan produk berasaskan bunga roselle hingga menembusi beberapa rangkaian pasar raya di Lembah Klang, Melaka dan Perak.

Produk itu turut dijual dalam talian dan premis tertentu di Kampung Johan Setia, Klang. Permintaan tinggi antaranya kordial, minuman jus, halwa, pati, roselle kering, biskut, bahu dan jem.

Kecekalan itu membawa Siti Suraya dinobatkan Usahawan Terbaik Perbadanan Program Bermodul Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Farkhana, Usahawan Terbaik Jabatan Pertanian Selangor, kedua-duanya pada tahun lalu.

Roselle, spesies bunga raya dipanggil Hibiscus Sabdarifa L, lebih dikenali sebagai asam paya, asam kumbang atau asam susur dalam kalangan penduduk tempatan.

Kelopaknya boleh dibuat sirap, teh dan minuman lain. Kaya vitamin A, C dan amino asid, ia baik untuk stamina.

Penanaman tersebut mulanya dilakukan Siti Suraya sebagai hiasan rumah pada 2017. Benih pokok itu dibeli di nurseri dan Jabatan Pertanian Negeri.

"Dalam 2018, saya muat naik di Facebook untuk cuba menjual bunga roselle. Rupa-rupanya ada permintaan. Mula-mula bekalkan sedikit sahaja dalam sekilo dua roselle segar.

"Makin lama makin bertambah hinggalah mampu bekalkan ke kilang pengeluar produk berasas roselle dan restoran," katanya kepada Selangorkini pada 16 Julai.

Setahun kemudian, lulusan sarjana



pembangunan sumber manusia Universiti Teknologi Malaysia itu mengajak Farkhana mengusahakan penanaman di tanah milik saudaranya di belakang rumah.

Didorong permintaan menggalakkan, mereka menyewa tanah milik Majlis Agama Islam Selangor seluas kira-kira dua ekar dan menanam 1,500 pokok, menjadikan bilangan keseluruhan 2,500 pokok.

Berhenti kerja

Kedua-dua wanita juga berhenti kerja demi memberi tumpuan penanaman tersebut. Malangnya, negara dilanda penularan Covid-19 pada awal 2020, mendorong pelaksanaan PKP.

"Belum sempat keluar hasil terus PKP. Kita semua tidak boleh keluar (rumah), kebun tidak terjaga. Mula-mula tidak dapat surat Jabatan Pertanian. Bila dapat surat pelepasan, pergi tengok kebun pokok semua rosak dan mati," kata Siti Suraya.

Justeru, Siti Suraya dan Farkhana terpaksa mengeluarkan modal lagi kira-kira RM30,000 untuk merawat tanah dan menanam semula pokok tersebut.

Tatkala wabak beransur pulih, mereka menghasilkan produk berasaskan roselle atas

jenama Sorrellicious Roselle. Mereka membina premis baharu untuk menampung operasi pemrosesan. Ketika projek itu separuh siap, banjir besar melanda negeri pada Disember 2021.

"Semua rosak. Jadi, kena keluar modal lagi sekali. Mac 2022 baru dapat beroperasi di premis baharu," kata Siti Suraya.


Kesungguhan dua ibu itu mendapat perhatian Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Jabatan Pertanian dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) Selangor.

Upen Selangor melalui Dana Usahawan Mikro membantu dari segi peralatan memasak bernilai RM10,000. Mardi mendapatkan kelengkapan antaranya mesin, meja dan rak bernilai RM20,000 melalui Geran Agropreneur Muda (GAM). Mereka turut menerima geran pembungkusan daripada Jabatan Pertanian manakala Fama membantu dalam segi pemasaran.

Jumlah tanaman meningkat kepada 10,000 pokok di atas tanah seluas 10 ekar di Kampung Johan Setia Klang, Teluk Panglima Garang, Banting, Batang Kali, Tampin Negeri Sembilan dan Kuala Kangsar Perak.

Turut mengupah tujuh pekerja, kedua-dua wanita itu meraih pendapatan purata RM15,000 sebulan melalui jualan produk. Mereka membekal 1.8 hingga dua tan metrik roselle segar kepada pengilang sekitar RM12,000 sebulan.





Naib Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia Datuk Amarjit Singh Gill menenangkan Azizulhasni yang kecewa selepas penyertaannya dalam acara keirin dibatalkan pada 10 Ogos



Aaron dan Wooi Yik dalam aksi mendebarkan menentang beregu Denmark Kim Astrup dan Anders Skaarup Rasmussen pada 4 Ogos. Beregu lelaki kelima terbaik dunia menang 16-21, 22-20 dan 21-19



Zii Jia menaiki podium dengan pingat gangsa acara perseorangan pada 5 Ogos. Emas dimenangi pemain Denmark Viktor Axelsen dan Kunlavut Vitidsarn dari Thailand (perak)



Bangkit pada set kedua, Zii Jia menang 13-21, 21-16 dan 21-11 menentang pemain India Lakshya Sen pada 5 Ogos. Pemain perseorangan keenam terbaik dunia itu meraih gangsa



Aaron dan Wooi Yik ceria menunjukkan gangsa ketika di podium pada majlis penyampaian pingat di Arena Porte De La Chapelle pada 4 Ogos. Mereka mengekalkan pencapaian Olimpik Tokyo 2020



Pelumba Azizulhasni dan jurulatih John Beasley berbincang selepas pembatalan penyertaan pusingan pertama di Saint-Quentin-en-Yvelines National Velodrome pada 10 Ogos



Ketika pada kedudukan ketiga, pelumba trek Muhammad Shah Firdaus terlibat dalam perlanggaran acara keirin lelaki peringkat akhir pada 11 Ogos



Pemenang gangsa, Zii Jia, Aaron dan Wooi Yik disambut meriah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 7 Ogos. Turut sama Pearly dan Thinaah serta jurulatih Rexy Mainaky (kiri sekali), Tat Meng (dua, kiri) dan Tan Bin Shen (empat, kanan)

Bara Olimpik

MESKI terlepas emas, atlet Malaysia bertarung hebat untuk mengharumkan nama negara di pentas Olimpik Paris 2024.

Pada temasya 26 Julai hingga 11 Ogos, atlet membawa pulang dua pingat gangsa menerusi acara badminton, Lee Zii Jia dalam perseorangan lelaki serta Aaron Chia dan Soh Wooi Yik (beregu lelaki).

Pearly Tan dan M Thinaah gagal merebut sebarang pingat tetapi mencipta sejarah beregu wanita negara pertama sampai separuh akhir.

Saingan pemenang perak di Olimpik Tokyo 2020, jaguh berbasikal dunia Datuk Azizulhasni Awang terbatal dalam acara keirin.

Harapan baharu negara Muhammad Shah Firdaus Sahrom bagaimanapun gagal akibat pelanggaran.

Atlet angkat berat kategori 61kg Mohamad Aniq Kasdan tanpa dijangka muncul di tempat keempat.

Untuk acara 3 meter papan anjal, Nur Dhabitah Sabri mara ke peringkat akhir tetapi gagal ulangi prestasi di Jepun.

Koleksi foto BERNAMA dan Facebook Majlis Sukan Negara menghimpunkan aksi sebahagian atlet Malaysia dalam tempoh temasya sukan itu berlangsung. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Beregu wanita negara Pearly dan Thinaah tewas selepas berhempas-pulas menentang pasangan Jepun Nami Matsuyama dan Shiharu Shida merebut gangsa pada 3 Ogos



Penyokong Malaysia di Arena Porte De La Chapelle menyemarakkan semangat beregu Pearly dan Thinaah ketika suku akhir menentang pasangan Korea Selatan pada 1 Ogos



Pelumba trek wanita Nurul Izzah Izzati (dua, kanan) dalam kelompok hadapan pusingan pertama acara keirin di Saint-Quentin-en-Yvelines National Velodrome, Paris pada 7 Ogos



Aksi Nur Dhabitah ketika acara 3 meter papan anjal wanita akhir di Centre Aquatique, Paris pada 9 Ogos. Srikandi terjun negara itu mengumpul 244.80 mata acara berkenaan



Atlet memanah Syaqiara Mashayikh ketika beraksi dalam acara memanah di Esplanade Des Invalides, Paris pada 30 Julai. Beliau meraih tempat 16 terbaik dalam temasya itu



Timbalan ketua kontinjen negara Datuk Nicol David mengetuai atlet Malaysia berarak masuk dalam upacara penutup Sukan Olimpik Paris 2024 di Stade De France, Paris pada 11 Ogos



Aniq mendapat tempat keempat dalam acara angkat berat lelaki kategori 61kg di South Paris Arena 6, Paris pada 7 Ogos. Atlet angkat berat itu turut memecah rekod kebangsaan

Malayan Union jatuh

Pada 3 Januari [1946], Dato' Onn [Ja'afar] mula mengetuai Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) dengan niat khusus untuk menjatuhkan Malayan Union dan membatalkan pengurangan hak keistimewaan orang Melayu.

Pada masa sama ia juga bertujuan meredakan pergaduhan kaum Cina-Melayu yang sudah pun bermula, kerana orang Melayu membayangkan mereka dan budaya mereka akan pupus akibat Malayan Union.

Memandangkan temubual pertama [Sir Harold] MacMichael dengan [Sultan] Ibrahim berlangsung pada 18 Oktober, Onn nampaknya telah memulakan langkahnya sebelum MacMichael sampai ke negeri seterusnya.

PMSJ adalah sebuah pertubuhan yang cukup ampuh untuk menanggapi sebarang gelombang rasa tidak puas hati yang datang dan ikut bersama-samanya.

Lebih-lebih lagi, ia dipimpin Onn sebagai presiden, yang ketika itu sudah berusia 50 tahun dan memiliki gabungan ciri-ciri pemuka kelas pertama, wartawan yang bersemangat dan pemedato politik.

Pada 24 Januari, Onn menulis surat terbuka kepada seluruh akhbar Melayu, menyokong cadangan yang pada mulanya dikemukakan Warta Negara iaitu agar sebuah kongres pertubuhan-pertubuhan Melayu diadakan secepat mungkin.

Ia berlangsung pada 1 Mac [1946] di Kuala Lumpur. Walaupun pelancaran rasmi tidak berlangsung hingga 11 Mei [1946], sejak dari tarikh 1 Mac itu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) benar-benar bergerak dengan Onn sebagai presidennya.

Tiada satu pun daripada semua ini dapat dicapai tanpa menjatuhkan martabat sultan, dan tiada siapa yang lebih rugi berbanding Sultan Ibrahim, yang telah menurunkan tandatangan dengan penuh rela sebelum segera meninggalkan negerinya untuk ke London, bukannya memimpin penentangan seperti yang dijangka oleh semua orang di Britain dan Tanah Melayu memandangkan keperibadian dan kekananannya.

Jika, seperti yang saya syak, Onn telah menyumbang kepada kejatuhan air muka ini melalui nasihatnya, lelaki tua itu kini terhutang budi pula kepadanya kerana berjaya menenangkan gerakan untuk menggulingkannya yang sedang meningkat mendadak di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Mohd Yasin, presiden Persatuan Melayu Johor.

Abdul Rahman telah menganjurkan satu mesyuarat bantahan di Masjid Abu Bakar di Johor Bahru pada 2 Februari. Mesyuarat itu, seperti kata-kata Stockwell, menunjukkan "Orang yang biasanya berfikir sederhana telah menyeru dengan ucapan berapi-api untuk menggantikan Ibrahim dengan seorang yang dirasakan lebih layak menduduki takhta Raja."

Tetapi Onn yang pernah membuat desakan sama walaupun tidak berkesan telah 'mengubahsuaikan' kemelampauannya walaupun mungkin atas sebab merasakan Sultan Ibrahim masih lagi berguna berbanding rasa kasihnya kepada baginda.

Dalam hal ini, perlu disebutkan bahawa Onn



kemudiannya telah memberikan jawatan penting kepada Abdul Rahman iaitu ketua Jabatan Kewangan UMNO.

Ariffin Omar menghubungkan peristiwa ini dengan satu peristiwa lebih penting yang berlaku di Kuala Lumpur pada 1 April, apabila Onn bukan sahaja mengadakan tunjuk perasaan menentang pelantikan [Sir] Edward Gent sebagai gabenor, tetapi memujuk Raja-raja yang sedang berkumpul untuk memulaukan upacara tersebut dan mengadakan sidang akhbar untuk sebulat suara menolak Perjanjian MacMichael, tanpa perlu menukar pakaian yang sudah dipakai mereka untuk ke majlis perlantikan Gent.

Celik politik

Drama peristiwa ini bukan sengaja diperbesar-besarkan. Malah lima puluh tahun selepas peristiwa itu, saya bertemu dengan mereka yang masih mengenangnya dengan linangan air mata. Harry Miller menceritakan bahawa 'ratusan orang Melayu melilit kain putih di sekeliling songkok baldi hitam mereka (sebagai tanda berkabung atas hilangnya kepercayaan dan keyakinan mereka) berdiri di depan hotel di mana Raja-raja menginap dan melaungkan "Daulat Tuanku!"

Miller juga memetik kata-kata "salah seorang pemimpin [UMNO] yang berani:"

"Kami bawa mereka turun tangga untuk mengajar mereka. Mereka bernasib baik kerana kami tidak memusnahkan mereka sepenuhnya kerana telah menandatangani perjanjian MacMichael. Sebaliknya, kami beritahu mereka bahawa kami akan menyokong mereka."

Tidak syak lagi, peristiwa itu sangat memalukan lebih-lebih lagi buat Gent, yang melaksanakan kewajibannya sebagai wakil Raja Inggeris, apabila sembilan penghinaan melalui pemulauan ini disampaikan pada hari pertama bulan April iaitu tarikh yang dirayakan British sebagai All Fools' Day, dan betapa dia berharap para Sultan tidak bersungguh-sungguh melakukannya!

Onn dengan cepat membina kejayaannya, dan telah ditawarkan kesempatan yang jarang diperolehi. Kerajaan British, yang dikejutkan

dengan penghinaan yang dilemparkan terhadap Gent, dengan pantas menghantar dua orang ahli parlimen yang mempunyai pengalaman dengan Tanah Melayu, untuk apa yang kini dikenali sebagai misi mencari fakta.

Untuk memastikan tidak ada berat sebelah yang tidak wajar dalam penemuan mereka, Kapten Gammans dipilih daripada parti Konservatif sementara Letenan-Kolonel Rees Williams mewakili kerajaan Buruh. Sir Theodore Adams, seorang penjawat awam, melengkapkan kumpulan itu.

Sewaktu mereka menjelajah negara, ketigatiganya mendapati secara jelas bahawa pada "watak Melayu yang tenang," ada kedalaman tersembunyi yang mereka tidak pernah sedari.

Ia tentunya mengejutkan Rees-Williams, yang dipetik oleh Simon Smith sebagai berkata, "secara semulajadinya orang Melayu yang kaya lebih suka bermalas-malasan dan menghabiskan masa disebabkan keadaan iklim yang baik dan menarik. Lebih-lebih lagi golongan diraja."


Di setiap kampung, mereka diserang dengan kata-kata tajam dan bersifat peribadi terhadap MacMichael. Mereka secara umumnya melaungkan dalam bentuk plakad, bahawa MacMichael tidak lebih baik daripada Jepun, dan menzahirkan kasih penuh kepada sultan mereka.

Jelas bagi pegawai-pegawai ini bahawa kasih yang ditunjukkan itu lebih kepada peranan simbolik dan keagamaan yang dimainkan sultan, berbanding sifat peribadi sultan; mereka ibarat simbol tempatan yang akhirnya menjadi semangat kebangsaan.

Walaupun kedudukan sosial Onn jauh lebih rendah berbanding sultan, dia telah menonjolkan perasaan politik mereka, dan ini hakikat yang melanda seluruh negara.

Apabila laporan dikemukakan dan berdasarkan penilaian Gammans, boleh dirumuskan, seperti yang dipetik Lau, bahawa "Orang Melayu pastinya telah celik politik dalam tempoh semalaman."

Petikan muka surat 120–122 buku Nekad: Potret Kehidupan Dato' Sir Onn bin Ja'afar, terjemahan One Man's Will: A Portrait of Dato' Sir Onn bin Ja'afar tulisan Pamela Ong Siew Im. Ia boleh dibeli melalui www.bukuibde.com atau di toko Rencana, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya. Tambahan perkataan dalam [...] untuk keselesaan pembaca.



Ketakutan AS cetus perlumbaan angkasa



Penyelidik di Universiti Teknologi Mara,
DR ZAMIR MOHYEDIN
seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Tanggal 21 Julai diraikan setiap tahun sebagai hari ulang tahun penjejakan kaki manusia di Bulan.

Misi menerusi program Apollo dijayakan 400,000 orang. Projek itu menelan belanja sebanyak 25 bilion dolar Amerika Syarikat (AS) iaitu bersamaan 257 bilion dolar AS pada 2023.

Seramai 600 juta orang di seluruh dunia yang menonton penjejakan kaki di Bulan buat kali pertama secara langsung pada 1969.

Ketika itu, perlumbaan angkasa antara AS dan Kesatuan Soviet sangat rancak. Namun perlumbaan itu bukanlah demi mengejar kemajuan teknologi mahupun untuk perkembangan saintifik, sebaliknya kerana ketakutan dan hegemoni.

Ketakutan ini bermula selepas melihat kedahsyatan bom nuklear yang meletup di Hiroshima dan Nagasaki di Jepun pada 1945.

Senjata nuklear yang berkesan bukan sahaja dapat meletup dan memusnahkan kawasan yang luas tetapi juga yang dapat menyerang dari jauh tanpa dikesan musuh.

Kaedah yang paling ampuh ialah dengan menghantar misil balistik mengandungi peledak nuklear melalui angkasa dan sampai ke negara musuh.

Sejak itu, AS dan Kesatuan Soviet mula berlumba menguji misil balistik mereka supaya dapat terbang ke angkasa.

Daripada ini sebenarnya datang idea baharu, bagaimana pula kalau roket dapat terbang ke angkasa untuk merisik musuh?

Sesuatu yang belum dapat dilakukan oleh sesiapa pada ketika itu. Pada zaman ini, satelit menjadi salah satu teknologi risikan.

Menerusi idea berkenaan, Kesatuan Soviet berjaya menghasilkan satelit pertama manusia iaitu Sputnik 1 yang berjaya mengelilingi Bumi selama dua bulan. Setiap kali Sputnik 1 melintasi tanah AS, rakyatnya begitu gerun.

Buat pertama kalinya objek musuh berkeliaran di angkasa. Bagaimana kalau suatu hari nanti objek ini membawa bom nuklear?

Ketakutan ini sampai ke tahap murid-murid sekolah pun dilatih untuk cari tempat perlindungan sekiranya bom atom jatuh ke AS.

Dek ketakutan itulah kerajaan AS menubuhkan Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA).

NASA bukan ditubuhkan kerana cintakan ilmu sains atau bertujuan penerokaan, tetapi motivasi asalnya kerana ketakutan terhadap ancaman




Foto NASA

Kesatuan Soviet.

Demi melemahkan pengaruh Kesatuan Soviet, AS tidak boleh setakat menghantar roket ataupun satelit ke angkasa. Perlumbaan angkasa ini tidak akan tamat dengan sebegitu rupa.

Teknologi berbahaya

AS perlu terkehadapan dengan menerbangkan manusia di angkasa bagi menunjukkan teknologinya berbahaya dan dapat memberikan ancaman kepada musuh.

Tetapi Kesatuan Soviet berjaya melakukan hal ini dengan menghantar angkasawan Yuri Gagarin pada April 1961.

Gagarin merupakan manusia pertama yang ke angkasa dan beliau berada di angkasa selama 108 minit dalam keadaan selamat.

Kemudian, Kesatuan Soviet merangkul kejayaan lagi dengan menghantar objek pertama ke Bulan, menghantar wanita pertama ke angkasa iaitu Valentina Tereshkova dan berjaya menghantar angkasawan pertama yang melakukan siar angkasa (spacewalk).

Peristiwa ini menambah ketakutan kepada AS. Kemenangan berturut-turut oleh Kesatuan Soviet dalam perlumbaan angkasa membesarkan pengaruh komunis.

Kuasa besar AS terhakis dan orang awam pun bimbang sekiranya Kesatuan Soviet menyerang. Tetapi AS membuat kejutan selepas itu dengan menghantar manusia ke Bulan.

Mereka dapat pergi dan balik dengan selamat. Bukan sekali, tetapi sebanyak enam kali dan semuanya dilakukan oleh AS.

Peristiwa ini menjadi tanda kemajuan AS dalam teknologi mereka sehingga mampu membawa manusia ke Bulan.

Perlumbaan angkasa ini berakhir dengan kerjasama AS dan Kesatuan Soviet dalam pembinaan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Pada hari ini, perlumbaan angkasa kembali lagi tetapi melibatkan ramai pemain termasuk China, India, Jepun, dan negara-negara Eropah.

Tidak terkecuali juga persaingan daripada syarikat gergasi seperti SpaceX, Virgin Galactic dan Blue Origin.

Misi kali ini adalah untuk membina pusat ekonomi dan perdagangan di angkasa dari orbit rendah Bumi hinggalah ke Bulan.

Bayangkan suatu hari nanti kita mempunyai hotel dan pusat penginapan di angkasa lepas. Sesuatu yang mungkin akan kita kecap tidak lama lagi.

Walau program Apollo asalnya bermotifkan politik, impaknya terhadap kehidupan seharian manusia memang terasa.

Banyak teknologi daripada perlumbaan angkasa ini memanfaatkan kita hari ini seperti sut baju bomba, teknologi suria, jam berasaskan batu quartz, teknologi litar bersepadu, peranti tidak berkabel, peralatan elektronik, teknologi komputer dan pelbagai lagi.

Soalan popular selalu ditanya, kenapa kita tidak lagi hantar manusia ke Bulan selepas 1972? Sebahagian puncanya ialah kekangan bajet.

Ketika program Apollo dijalankan, NASA menerima bajet paling tinggi iaitu lebih 4 peratus daripada bajet kerajaan kerana AS memberikan keutamaan tertinggi untuk program angkasa bagi melawan blok komunis.

Kini, peruntukan NASA semakin kurang saban tahun. Sedekad kebelakangan ini, NASA cuma menerima dana sebanyak 0.4 peratus daripada bajet kerajaan.

Pada 2020, NASA hanya menerima sekitar 20 bilion dolar AS. Program Apollo kosnya 25 bilion dolar AS (sekitar 257 bilion dolar AS kalau ikut zaman sekarang).

NASA mempunyai banyak projek dan agenda. Projek Teleskop Angkasa James Webb Space saja menelan belanja sehingga 10 bilion dolar AS.



Cermin

Oleh **OSMAN AYOB**

Ilustrasi **FAHMI MUSTAFFA**

Hari ini merupakan hari pertama aku bekerja. Dari beberapa jenis kerja yang aku minta, kerja ini – sebagai juru jual di sebuah kedai cermin mata, mendahului tawaran dan aku tanpa banyak kerengah menerimanya dengan senang hati.

Debaran semakin ketara sebaik aku memasuki kompleks membeli-belah utama di bandar raya K. Kedai yang terletak di tingkat bawah bersebelahan dengan deretan kedai makanan segera dan serbaneka memang menjadi tumpuan ramai.

Aunty Melisa menyambut kedatangan aku dengan wajah ceria. Sebagai tuan punya kedai, aku diberi taklimat ringkas tentang tugas utama aku, melayan pelanggan dengan sebaik-baiknya. Kejayaan aku terletak kepada hasil jualan dan secara langsung mempopularkan nama kedai yang mempunyai hanya satu pesaing.

“Anggapkan pelanggan pertama yang datang, ada ong,” ujar Aunty Melisa dengan muka manis. Dia yang berbadan seksi macam selebriti mengendalikan sendiri kedai yang baru dibuka sejak dua bulan dahulu.

Aku sedar, kehadiran aku mempunyai tanggungjawab yang besar. Aku mesti beraksi sebaik-baiknya. Skil komunikasi aku dalam melayan pelanggan teruji sepenuhnya. Ijazah sarjana muda pentadbiran perniagaan yang aku genggam menandakan komitmen aku untuk melaksanakan tugas dengan dedikasi.

“Selain ada ong, pelanggan pertama yang masuk kedai kita, punyai persepsi tersendiri,” ujar Aunty Melisa lagi sebelum beredar ke dalam. Dia ada banyak urusan dalam biliknya. Tinggal aku menanti sesiapa antara orang ramai yang melintas depan kedai.

Sekonyong-konyong aku melihat seorang lelaki separuh usia, berbadan tegap bertanya sesuatu pada seorang pemuda yang memintas di hadapannya. Pemuda itu memimpin tangan lelaki yang memakai tongkat putih untuk berjalan. Nyata lelaki itu, OKU.

“Sini!” ujar pemuda itu sambil menghalakan tongkat putih ke dalam kedai. “Assalamualaikum.” Aku melembutkan suara semerdu mungkin.

Lelaki itu melangkah dengan sebaris senyuman. Aku percaya dia buta walaupun kedua belah matanya cantik dengan pelupuk mata dan kening yang mengancam.

“Sila duduk, pak cik!” Aku memegang tongkatnya dan memandu dia duduk di hadapan aku.

Lelaki itu duduk di sisi meja cermin mata model baru.

Dari aksinya, aku yakin lelaki itu tidak nampak apa-apa di persekitarannya.

“Saya datang ni nak cari cermin mata yang betul-betul istimewa,” katanya setelah meletakkan tongkat di sisi dan kedua-dua belah tangannya berada di atas cermin. Dia tidak memerhati pun ke dalam meja

cermin.

Aku percaya lelaki ini buta sepenuhnya.

“Ada banyak jenis, pak cik,” jelas aku lalu mengeluarkan beberapa cermin mata hitam. Tentu sesuai untuknya melaram.

“Carilah, jenis mana pun.” Lelaki separuh umur berambut lebat separuh uban itu bersuara serius. “Saya mahu pakai supaya dapat melihat keindahan dan tingkah-laku manusia dalam dunia ni sepuasnya.”

Satu kejutan memukul dada. Bagaimana lelaki ini mahu melihat dunia sedangkan dia buta?

Deretan cermin mata hitam yang aku pameran di hadapannya semacam tidak dipedulikan walaupun disentuh dan diraba-raba. Nyata dunianya gelap gelita.

“Yang ada cermin mata hitam inilah.” Aku melenturkan suara sebaik mungkin.


“Hitam putih saya tak kira.” Suara lelaki itu membentak. “Saya mahu cermin mata yang boleh saya pakai untuk melihat apa saja yang saya ingini.”

Aku bagaikan kehilangan kata-kata. Teori dan amali komunikasi yang aku pelajari selama ini telah terbantut.

“Telinga saya ni mendengar, merdunya suara orang yang duduk di depan saya.” Lelaki itu berhenti sebentar. Pelupuk matanya naik turun tetapi bola mata tetap tidak berfungsi. “Alangkah eloknyanya ada cermin mata yang boleh saya melihat rupa paras orang yang sedang bercakap dengan saya ni.”

Wau...aku cuba bersabar. Orang tua ni barangkali nak menggatal dengan aku?

Aku sedar, Aunty Melisa di dalam bilik tentu memerhati



aku. Sejauh mana aku dapat berkomunikasi dengan lelaki tua pada hari pertama aku bekerja ini?

“Kedai ni hanya menjual cermin mata.” Aku cuba mencari alasan yang dapat diterimanya. “Jika pak cik hendak perkhidmatan penglihatan mata, pak cik boleh mencari pakar bagi mendapat khidmat nasihat tentangnya.”

“Jadi kedai ni tak ada cermin mata yang saya mahu?” Lelaki itu mula melenting.

Aku mengangguk, walaupun lelaki itu tidak dapat melihat anggukan aku.

“Kedai ni tak efisienlah!”

Sambil menggeleng, lelaki itu tergagau sebentar sebelum mencapai tongkat.

Aunty Melisa menapak ke sisi aku. Dia yang dengar semua butir perbualan aku, lantas bersuara, “Jika tuan mahu khidmat nasihat mengenai cermin mata yang tuan ingini, tuan boleh ke hujung sana.”

“Hujung mana?” Lelaki tua itu macam tercabar. Dia sudah bangun memegang tongkat.

Aunty Melisa memegang tongkat dan lelaki itu pantas mengikut.

“Dari sini, tuan boleh jalan terus hingga ke hujung aras bangunan ini.” Aunty Melisa sudah berada di luar kedai. Di celah orang yang bersimpang-siur, dia menunjukkan arah yang perlu dituju.

“Apa nama kedai tu?”

“Kedai Cermin Mata Poulatika Dunia.” Aunty Melissa ingat benar nama itu, satu-satunya pesaing di kompleks yang gah ini.

“Nak jumpa siapa?” lelaki tua itu membetulkan tongkat.

“Tuan boleh jumpa Waibi Mamaijaya.” Aunty Melisa macam mahu cepat orang tua itu melangkah pergi. “Jika dia tak ada, tuan tanya Waibi City Jayanti Maya.”

“Glamor nama tu.” Lelaki tua itu amat tertarik. “Orang politik tu.”

“Ya, mereka orang politik.” Aunty Melisa menambah. “Kedua-duanya pakar untuk melihat dalam apa jua keadaan. Sama ada yang putih atau hitam. Yang hijau atau biru. Yang oren atau ungu.”

“Wah, ada harapanlah saya kali ini.”

“Mestilah.” Aunty Melisa memuji. “Tuan akan dapat apa saja yang tuan ingini.”

Lelaki aneh itu terus membuka langkah. Semua orang memberi laluan, malah ada yang menolongnya melangkah ke tempat tuju.

“Kamu jangan gusar.” Aunty Melisa memberi semangat. “Ada banyak kerengah manusia lagi kamu akan temui. Kompleks ini adalah tumpuan pelbagai jenis watak manusia termasuk OKU, penagih dadah dan pemabuk. Selain tempat melepak, di sini juga ada mini pawagam. Kompleks ini juga ada pentas teater, termasuk kelas bimbingan lakonan yang memenuhi minat masyarakat pasca-Covid.”

Aku mengangguk. Teringat pelbagai peristiwa aneh yang sedang berpecah di seluruh negara akibat gejala sosial yang menyusup ke dalam jiwa manusia yang sakit dan hilang arah dalam kehidupan yang kompleks.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/



CANGGIH... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melawat reruai pameran selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 12 Ogos. Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang (empat, kiri). Foto Facebook Anwar Ibrahim

Jumlah kelahiran turun 10 peratus

SHAH ALAM - Jumlah kelahiran merekod penurunan 10.2 peratus pada suku kedua tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, sebanyak 100,732 kelahiran dicatat pada suku kedua tahun ini berbanding 112,197 pada 2023, lapor Bernama.

Bilangan bayi lelaki melebihi perempuan iaitu 51,759 kelahiran berbanding 48,973 kelahiran, beliau memberitahu nisbah jantina ialah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

"Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 47 bayi bagi setiap jam dan 1,119 bayi sehari pada suku kedua 2024," katanya dalam kenyataan pada 13 Ogos.

Dr Mohd Uzir menjelaskan Selangor mencatat bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,320 manakala terendah direkod di Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 324 kelahiran.

Katanya, bilangan penduduk Malaysia pada suku kedua tahun ini meningkat 1.9 peratus iaitu 34.1 juta berbanding 33.4 juta pada suku kedua pada 2023.

Penduduk umur muda (0-14 tahun) kekal tidak berubah pada 7.6 juta, komposisi penduduk umur bekerja (15-64 tahun) dan penduduk tua (65 tahun dan lebih) masing-masing meningkat daripada 23.3 juta dan 2.5 juta kepada 23.9 juta dan 2.6 juta pada suku kedua 2024.

Tangani kos sara hidup

Tangani kartel, monopoli barangan

SHAH ALAM - Pembentangan Belanjawan 2025 yang dijadual pada 18 Oktober memberi tumpuan kepada usaha menangani dan mengurangkan kos sara hidup, kata perdana menteri.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga menteri kewangan, isu tersebut menjadi kebimbangan orang ramai dan kerajaan bertanggungjawab memberi keselesaan kepada rakyat, lapor Bernama.

"Walaupun saya boleh sebut gula, minyak, tepung, minyak masak kita adalah paling murah tetapi bagi rakyat Malaysia, masih merasa beban.

"Kita usahakan juga masalah kartel,

monopoli dan punca kenapa harga barang naik, semua ini harus kita tangani," katanya dalam perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan pada 6 Ogos.

Anwar memberitahu Kementerian Kewangan sentiasa mencari kaedah bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat yang sebahagian naik akibat isu ketirisan, rasuah, seludup dan peranan kartel.

"Pengalaman saudara (dalam Kementerian) sama ada dalam penguatkuasaan atau perancang dasar akan lebih faham, tidak mungkin kita tidak fikir kaedah dan jalan untuk mengurangkan kos".

Bina rumah B40, M40

SHAH ALAM - Perdana menteri mengarahkan Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya menyediakan blok rumah Madani bagi setiap projek perumahan baharu.


Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pembangunan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) sebagai syarat bagi kelulusan permohonan pembangunan dipercepat, lapor Harian Metro.

Ketika melancarkan Perumahan Penjawat Awam Malaysia Madani di ibu negara pada 6 Ogos, beliau berkata lang-

kah tersebut berikutan permintaan di ibu kota mencecah puluhan ribu permohonan.

Mengulas perkara berkenaan, bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur memberitahu projek perumahan baharu memerlukan perancangan baharu berikutan tanah di Kuala Lumpur terhad, lapor Bernama.

Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan menjelaskan harga yang ditawarkan mesti dalam lingkungan mampu milik supaya arahan itu memberi manfaat kepada rakyat dan tidak hanya menguntungkan pemaju.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bahagian Saliran Mesta Alam dan Caruman Parit, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/SMA04/2024 (PP) PENYEDIAAN PELAN INDUK SISTEM SALIRAN (MASTERPLAN) BAGI PENGURUSAN AIR RIBUT (STORMWATER) UNTUK MENGATASI BANJIR DI DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN	Terbuka	Syarat Mandatori- 1. Firma berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang 330101 (Kej. Awam), 330102 (Kej. Struktur) dan tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah; 2. Firma berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Firma terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara Online di web https://tenderselangor.my/ dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS) sebelum membeli dokumen tender); 3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada : Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor.; 4. Tiada sesi taklimat dan lawatan tapak akan dilaksanakan. Firma digalakkan membuat lawatan tapak sendiri dengan berpandukan koordinat yang diberikan atau merujuk slaid pembentangan yang dimuatnaik di http://tender.selangor.my 5. Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Firma dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen.	Kaunter Bahagian Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 15 th OGOS 2024 hingga 19 th SEPTEMBER 2024	RM 100.00 Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran secara online)	Peti Tender, Bhg. Ukur Bahan & Kontrak JPS Selangor, Tkt. 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 19 th SEPTEMBER 2024 (KHAMIS) Jam 12.00 tengahari

Cadangan Teknikal hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos" di sebelah kiri sampul surat berkenaan dan dialamatkan seperti di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 19th SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)
Dokumen Cadangan Teknikal yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Sedia 80 bas ke sambutan merdeka

SHAH ALAM - Lebih 7,600 tempat letak kereta disediakan untuk kemudahan orang awam sempena sambutan Hari Kebangsaan 2024 yang dijadual berlangsung di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos.

Sebanyak 80 perkhidmatan bas ulang-alik juga diadakan selain 8,000 tempat duduk awam bertingkat dan 40 kendera saji ditawarkan sepanjang acara berkenaan, lapor Bernama.

Justeru, orang ramai dipelawa memerahikan sambutan kali ke-67 bertema Malaysia Madani: Jiwa Merdeka mulai jam 7 pagi yang bakal diserikan pelbagai program menarik.

Acara tersebut antaranya perarakan aset pasukan keselamatan dan kereta berhias serta persembahan udara Angkatan Tentera Malaysia selain persembahan kesenian.

Maklumat lanjut orang ramai boleh layari laman sesawang www.merdeka360.my

Sambutan Hari Kebangsaan dianjurkan di Putrajaya buat julung kalinya pada 2003, seterusnya pada 2005, 2018, 2019 dan 2023.

Sekat laman paparan judi, lucah

SHAH ALAM - Sebanyak 10,423 laman sesawang yang melanggar undang-undang disekat antara 1 Jan 2022 hingga 1 Ogos, menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Sejumlah 4,484 laman judi, pornografi (3,271), langgar hak cipta (1,654), penipuan atau pelaburan haram (316) dan pelacuran (249) antara 95.7 peratus yang disekat, lapor Bernama.

Kenyataan menyebut sekatan laman yang ada kandungan mudarat dalam masa lima tahun dicatat pada 2021 iaitu 6,571 tetapi bilangannya menunjuk aliran penurunan setakat Ogos iaitu 2,127.

Menurut SKMM, tindakan itu dibuat bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 selain peraturan polis, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan Suruhanjaya Sekuriti.

Penguatkuasaan berkenaan membantu mengekang jenayah lain seperti pemerdagangan manusia, pengantunan kanak-kanak, penjualan bahan terlarang seperti dadah dan jenayah terancang.

SKMM bekerjasama dengan penyedia perkhidmatan tempatan bagi menambah baik dan memperkukuh langkah pencegahan dan perlindungan termasuk aspek pengurusan sistem nama domain.

Punca bekalan air Lembah Klang terjejas

Pencemar berdepan denda RM10 juta

SHAH ALAM - Seorang warga China berdepan denda RM10 juta dan penjara sehingga lima tahun atas kesalahan melepaskan buangan bahan

kimia yang menyebabkan henti tugas empat loji rawatan air.

Menurut ketua pengarah Jabatan Alam Sekitar, lelaki itu tidak mengaku salah berbuat demikian di kawasan perindustrian Jalan Kampung Orang Asli, Kuang, Selangor bulan lalu, lapor Bernama.

Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaafar memberitahu perbuatan tersebut mengakibatkan pencemaran bau yang menjejaskan operasi loji Rantau Panjang, Sungai Selangor fasa 1, 2 dan 3 pada 23 Julai.

Beliau menjelaskan lelaki berusia 42 tahun itu yang dituduh bawah Seksyen 25(3) Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Selangor pada 9 Ogos.

"Hakim tidak membenarkan per-

mohonan jamin terhadap tertuduh dan menetapkan 10 September ini sebagai tarikh serahan dokumen," katanya dalam kenyataan pada 9 Ogos.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Selangor Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin bersama Timbalan Pendakwa Raya JAS Nurliyana R Azmi.

Pada 23 Julai, lebih 1,000 kawasan meliputi tujuh wilayah di Lembah Klang mengalami gangguan bekalan akibat henti tugas empat loji ekoran pencemaran di Sungai Kundang dan Sungai Sembah.

Akta itu dipinda dan dikuat kuasa pada 7 Julai 2024 yang meminda hukuman, denda dan penalti melibatkan denda antara RM5,000 dan RM10 juta selain penjara mandatori maksimum lima tahun.

Tingkat prasarana

SHAH ALAM - Kerajaan melabur RM10.49 bilion untuk membangunkan pelbagai bentuk prasarana di perkampungan Orang Asli dan kawasan pedalaman sejak 2020 hingga Jun tahun ini.

Menurut Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, kemudahan itu meliputi jalan raya, bekalan elektrik dan air serta kemudahan sosial, lapor Bernama.

Beliau yang juga menteri kemajuan desa dan wilayah berkata pelaburan tersebut menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam mengutamakan kesejahteraan dan kemajuan masyarakat luar bandar.

Katanya, prasarana bermutu tinggi termasuk jalan raya, jambatan, kemu-

dahan kesihatan, sekolah dan ketersambungan digital asas kepada pembangunan luar bandar yang berkesan.

"Prasarana yang lebih baik memudahkan akses kepada pasaran, membantu petani menjual produk dengan lebih cekap dan mendapatkan harga lebih baik," katanya di Putrajaya pada 8 Ogos.

"Penjagaan kesihatan dan pendidikan meningkatkan kualiti hidup, mengurangkan penghijrahan dari luar bandar ke bandar sekali gus penduduk menyumbang kepada ekonomi," katanya.

Menegaskan pembangunan prasarana luar bandar penting, Ahmad Zahid menjelaskan teknologi digital dan kecerdasan buatan berupaya membawa perubahan besar terhadap ekonomi luar bandar.



SMARTSEL SDN BHD (1222445-V)

KENYATAAN TENDER

SMARTSEL Sdn Bhd merupakan sebuah anak syarikat kepada Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL) di bawah Kumpulan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ingin menjemput pemohon yang berkecualan untuk menyertai tender di bawah:

Tajuk Tender	Kelayakan / Keterangan	Tarikh Mula & Tarikh Tutup
SSB/TENDER/2024/001 Pembangunan Pelan Pelaksanaan Infrastruktur Digital Selangor (PPIDS) Bagi Tahun 2025-2026	<ol style="list-style-type: none"> Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), Kementerian Kewangan ("MOF") Mempunyai paid-up capital sekurang-kurangnya RM400,000 dan ke atas. Kelebihan kepada pemohon yang mempunyai salah satu antara kod bidang 330114, 330114, 340601, 340602, 340603, 340604, 34065. Mempunyai pengalaman Pembangunan blueprint dan pelan induk berkaitan infrastruktur digital dan/atau bandar pintar. 	<p>Tarikh Mula:</p> <p>15 Ogos 2024</p>
SSB/TENDER/2024/002 Kajian Kebolehlaksanaan Peranti IOT Enabled Industrial Park (IEIP) di Negeri Selangor Bagi Tahun 2024	<ol style="list-style-type: none"> Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), Kementerian Kewangan ("MOF") Mempunyai paid-up capital sekurang-kurangnya RM500,000 dan ke atas. Kelebihan kepada pemohon yang mempunyai salah satu antara kod bidang 330601, 330602, 330603. Mempunyai kepakaran dan pengalaman terbukti dalam pembangunan infrastruktur fizikal mahupun digital, penglibatan atau pelaksanaan IoT terutamanya di kawasan industri atau bandar pintar sekurang-kurangnya bagi tempoh 3-5 tahun. Mempunyai kemahiran teknikal yang terbukti dan berpengetahuan di dalam pengaplikasian penyediaan rangkaian, teknologi 5G dan tanpa wayar, peranti pintar serta pengurusan papan pemuka dan platform IoT. 	<p>Tarikh Tutup:</p> <p>26 Ogos 2024, 12:00 tengah hari (waktu SMARTSEL)</p>

- Pemohon dikehendaki menyatakan minat mereka melalui e-mel kepada procurement@smartsel.co
- Dokumen Tender akan diberikan secara softcopy menerusi e-mel kepada yang telah menyatakan minat.
- Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar ke pejabat **Smartsel Sdn Bhd c/o Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL), Unit Perolehan & Governans**, Tingkat 19, Wisma Ehsan, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
- Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.
- Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh diajukan melalui e-mel kepada procurement@smartsel.co



SERBU... Penguat kuasa Majlis Perbandaran Kuala Selangor merampas peralatan dalam operasi di kilang kitar semula bateri terpakai di Jeram pada 8 Ogos. Premis itu didirikan tanpa kebenaran dan melakukan pencemaran. Foto Facebook Majlis Perbandaran Kuala Selangor

Inisiatif Lembah Klang Raya

Seragam khidmat empat PBT

Oleh **YASMIN RAMLAN**

SHAH ALAM - Selangor memperkemas dan menyeragamkan proses penguatkuasaan seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam tempoh dua tahun.

EXCO kerajaan tempatan berkata usaha tersebut meliputi kebenaran merancang, pelesenan, perundangan dan penguatkuasaan, pengurusan kontraktor serta penyelarasan sempadan daerah.

Menurut Dato' Ng Suee Lim, proses lain termasuk pelan pengubahsuaian bangunan, buku panduan teknikal kejuruteraan, sistem penyampaian lanjutan, dan pembangunan mampan.

"Ia sebahagian inisiatif Lembah Klang Raya. Proses ini bermula dengan empat bandar raya sebagai rintis iaitu Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan Klang sebelum diperluas.

"Saya akan memastikan pihak berkepentingan dan pembayar cukai memberi maklum balas mereka, membangkitkan isu dan berkongsi pendapat mengenai proses penyelarasan PBT," katanya.

Beliau mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penyeragaman bawah Jawatankuasa Induk Majlis Pembangunan Lembah Klang Raya di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 8 Ogos.

Suee Lim berkata jawatankuasa itu juga bakal

menyeragamkan aplikasi semua PBT dan mengukuhkan sistem pusat sehenti bagi memudahkan rakyat dalam membuat aduan atau permohonan.

Beliau menjelaskan jawatankuasa berkenaan juga menyediakan kajian terperinci untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan berdasarkan rancangan pendigitalan PBT.

"Pelaksanaan pelan yang diperkemas menjimatkan kos, terutamanya untuk operasi penyelenggaraan," katanya.

Sementara itu, seramai 300 orang menerima makanan percuma pada kadar RM10 seorang sempena program Makan Percuma Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Seksyen U20 di sini pada 6 Ogos.

Jabatan Korporat dan Perhubungan Awamnya memaklumkan program kedua itu mendapat kerjasama peniaga gerai terpilih di medan selera berkenaan.

"Program ini untuk meringankan beban golongan kurang berkemampuan di kawasan pentadbiran MBSA seperti pekerja industri, penjawat awam dan pelajar institut pengajian tinggi.

"Ia juga platform untuk mendekati dan menyantuni masyarakat setempat sekali gus mengeratkan silaturrahim dan muhibbah dalam kalangan masyarakat," katanya.

Taman Panorama tarikan pelancong

AMPANG JAYA - Taman Panorama di Bukit Antarabangsa di sini bakal menjadi tarikan pelancongan terbaharu sempena Tahun Melawat Selangor 2025.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Dr Ani Ahmad berkata lokasi seluas 1.52 meter persegi itu dikunjungi penduduk sekitar bagi melihat pemandangan indah Kuala Lumpur.

"Tempat ini kini menjadi tular kerana lokasinya yang strategik untuk pengunjung bergambar dan melihat pemandangan matahari naik atau terbenam dengan latar belakang menara berkembar KLCC.

"MPAJ turut menambah kemudahan untuk pengunjung dengan menaik taraf tempat letak kereta dan menyediakan tempat duduk demi keselesaan orang ramai," katanya pada 10 Ogos.

Beliau ditemui dalam majlis perasmian Panorama yang disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari. Hadir sama wakil rakyat Bukit Antarabangsa Mohd Kamri Kamaruddin.

Dr Ani menambah Panorama merupakan lokasi runtuh cerun pada 1990-an yang kemudian dibangunkan semula sebagai kawasan riadah dengan kos RM16.5 juta daripada Kerajaan Negeri.

Menurutnya, MPAJ bercadang membina pintu mercu tanda dan kafe di lokasi berkenaan pada masa hadapan sekali gus menjadikannya pesona baharu Ampang.

Panorama yang turut meliputi trek jogging berbukit sepanjang 300 meter dibuka setiap hari jam 6 pagi hingga 10 malam dengan tiket bayaran tempat letak kereta serendah RM2 setiap jam.

Air Selangor
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000019077	PROPOSED 3D TERRESTRIAL LASER SCANNING (TLS) AND MODELLING SERVICES FOR AIR SELANGOR'S RESERVOIRS AND WATER STRUCTURES (2024-2027)
2.	PN0000019347	REHABILITATION AND UPGRADING OF RESIDUAL TREATMENT FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT KALUMPANG WATER TREATMENT PLANT
3.	PN0000019282	CONSULTANCY SERVICES FOR FEASIBILITY STUDY OF POTENTIAL WATER RECLAMATION PLANT PROJECT AT TWO SITES LOCATED IN SG BESI AND CYBERJAYA
4.	PN0000019352	SUPPLY AND DELIVERY OF ADVANCED PRESSURE MANAGEMENT SYSTEM (APMS) FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR (2025-2027)
5.	PN0000019283	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD YEAR 2024 : PACKAGE 10
6.	PN0000019426	PROPOSED REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSE FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD YEAR 2024 : PACKAGE 11A

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	NO. PRA-KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000019187	PRA-KELAYAKAN SEBAGAI PANEL KONTRAKTOR KECEMASAN BAGI KERJA ELEKTRIKAL

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>.

Serangan di surau tindakan biadab

SHAH ALAM - EXCO hal ehwal Islam mengutuk sekeras-kerasnya tindakan biadab penjenayah yang mencederakan dua wanita dengan pisau di Surau Ehsaniah SS 5A, Kelana Jaya pada 9 Ogos.

Dr Mohammad Fahmi Ngah berharap orang ramai yang ada maklumat berhubung insiden itu segera melaporkan kepada polis sekali gus membantu pihak berkuasa memberkas penjenayah berkenaan.

"Saya telah memohon polis agar segera memburu penjenayah ini dan memaksimumkan segala bentuk tindakan undang-undang yang boleh dikenakan sekiranya didapati bersalah.

"Rumah ibadat dan sekolah wajib menjadi tempat yang selamat untuk setiap rakyat. Saya mendoakan agar mangsa diberikan afiyah dan kesembuhan segera," katanya dalam kenyataan.

Hadiah RM11,000 pertandingan kreatif

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menganjurkan pertandingan penulisan cerpen keinsafan dan video kreatif yang menawarkan hadiah keseluruhan RM11,100.

Menurut Jais, kesalahan jenayah syariah menjadi tema penulisan cerpen manakala dua kategori video kreatif bertema jenayah kekeluargaan dan jenayah syariah.

Setiap kategori menawarkan hadiah keseluruhan RM3,700 iaitu tempat pertama (RM1,000), kedua (RM700), ketiga (RM500) dan lima sagu hati RM300 setiap satu selain sijil penghargaan.

"Semua penulisan cerpen dan video pendek tidak dibenarkan menyentuh sensitiviti kaum, agama, institusi raja dan politik," menurut agensi itu di Facebook pada 9 Ogos.

Tarikh tutup penyertaan pada 31 Ogos. Maklumat lanjut pertandingan di pautan get-qr.com/content/kPnDCt#google_vignette dan me-qr.com/mobile/pdf/df8f0c1-e575-403c-8181-d840476b7945

RM1.15 bilion buat 350,000 asnaf

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagih RM1.15 bilion bayaran zakat sepanjang 2023 kepada lebih 350,000 asnaf.

Sebanyak RM144 juta diagih kepada asnaf yang memerlukan bantuan tempat tinggal merangkumi bantuan sewa rumah (RM118.8 juta), baik pulih (RM22.5 juta) dan bina rumah (RM2.7 juta).

Menurut LZS, RM171.96 juta untuk pembangunan pendidikan termasuklah bayaran elaun guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain RM28.9 juta, biasiswa asnaf (RM20.6 juta), bantuan insentif asas (RM13.9 juta) serta bantuan orang kelainan upaya (RM4.4 juta).

Selain itu, agensi berkenaan turut menyalur RM766.6 juta melalui agi-

han pembangunan sosial termasuk membantu lebih 50,000 keluarga melibatkan peruntukan RM229.4 juta.

"Kami menyampaikan setiap perkongsian (zakat) anda dengan penuh amanah dan tulus bagi menjaga sosioekonomi Islam di Selangor. Yakini LZS dalam menyampaikan amanah anda," katanya.

8,000 terima manfaat

Salur RM2.4 juta wang saku pelajar

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KUALA SELANGOR - Seramai 8,000 pelajar kurang berkemampuan di negeri ini menerima manfaat wang saku daripada Majlis Agama Islam Selangor (Mais) melalui peruntukan keseluruhan RM2.4 juta.

Pengerusinya berkata wang saku itu diagih kepada lapan Rakan Strategik Agihan Fidyah Mais terdiri enam universiti selain Jabatan Agama Islam Selangor dan Yayasan Islam Darul Ehsan.

Menurut Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, institusi itu ialah Universiti Tek-

nologi Mara, Universiti Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Selangor serta Universiti Sains dan Pengurusan.

"Peruntukan ini melibatkan agihan kepada 8,000 pelajar di seluruh Selangor yang memenuhi syarat penerima agihan fidyah wang saku dengan masing-masing menerima RM300 seorang.

"Objektif agihan fidyah wang saku adalah bagi meringankan beban kewangan pelajar; melaksanakan kepatuhan syarak dan memperluas fungsi serta peranan Mais.

"Semoga pemberian ini dapat memberi impak positif kepada prestasi akademik pelajar sekali gus menyumbang pembangunan modal insan berkualiti untuk Selangor dan Malaysia," katanya.

Beliau merasmikan Majlis Pelancaran Agihan Fidyah Mais Wang Saku Pelajar di Hotel UiTM Puncak Alam di sini pada 8 Ogos.

Abdul Aziz memberitahu penerima terdiri daripada pelajar dalam kalangan fakir miskin atau miskin selain terkesan akibat musibah tertentu.

"Agihan ini bagi memastikan sumbangan fidyah dimanfaatkan secara optimum demi kepentingan golongan memerlukan," katanya.

Catat rekod penulis buku termuda

SHAH ALAM - Minat yang mendalam terhadap buku mendorong kanak-kanak perempuan dari Klang menghasilkan karyanya sendiri bertajuk ' Unicorn and Little Amanda'.

Usaha Y Aayushi, 8, berbaloi apabila menerima pengiktirafan sebagai penulis buku termuda

oleh Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi penerbitan naskhah setebal 32 halaman.

Aayushi berharap dapat menjual karyanya serendah RM1 pada masa hadapan bagi membolehkan lebih ramai kanak-kanak memiliki buku.

Beliau yang bercita-cita menjadi guru sedang menyiapkan buku keduanya bertajuk 'Save The Earth' untuk menyampaikan kesedaran menjaga alam sekitar.

"Saya akan terus menulis buku kerana saya sukakan buku. Saya harap lebih ramai kanak-kanak, terutamanya yang kurang berkemampuan memiliki buku saya suatu hari nanti," katanya.

Sijil pengiktirafan disampaikan Perunding Rekod Kanan MBOR Edwin Yeoh kepada Aayushi dan disaksikan Ahli Dewan Negeri Sentosa Dr G Gunaraj di Perpustakaan Raja Tun Uda di

sini pada 11 Ogos.

Majlis berlangsung sempena peluncuran buku pertama Aayushi yang dijual pada harga RM25 menerusi platform dalam talian Sunshine Tales Publishing.

Ibunya, C Debagi, 34, berkata anak tunggalnya menunjukkan minat terhadap buku sejak berusia dua tahun dan membaca lebih 4,000 naskhah pelbagai genre.

"Buku ini sebenarnya ditulis ketika Aayushi berumur enam tahun tetapi kami ambil keputusan terbitkannya pada tahun ini untuk beri sokongan dan berkongsi dengan kanak-kanak lain," katanya.

Hulur RM12 juta dana fidyah

KUALA SELANGOR - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) meluluskan peruntukan agihan fidyah berjumlah RM12.4 juta termasuk wang saku pelajar tahun ini.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof memberitahu RM5.79 juta diagih dalam bentuk barangan keperluan asas kepada keluarga ku-

rang berkemampuan.

"Sebanyak RM4.2 juta bagi agihan fidyah dalam bentuk tunai dan RM2.4 juta juga diperuntuk bagi wang saku pelajar.

"Mais berperanan penting dalam menguruskan agihan fidyah yang dikumpulkan daripada umat Islam di negeri Selangor," katanya pada 8 Ogos.



KORIDOR UTILITI SELANGOR SDN BHD (1398468-X)

KENYATAAN TENDER

Tajuk Tender	Tarikh Pengambilan Dokumen	Tarikh Tutup Tender	Keterangan
Penyediaan Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Pemetaan Utiliti Bawah Tanah (UDM) Di Negeri Selangor	Bermula 15 Ogos 2024 (Khamis)	21 Ogos 2024 (Rabu) pada/sebelum 12.00 Tengahari	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Sijil Kompetensi Underground Utility Detection Survey (CUUDS) dan Jurukur Tanah Berlesen (JTB), Sijil UPENS dan mempunyai sijil-sijil dari badan penguatkuasaan yang berkaitan.

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.kusel.my/tender-sebutharga/>.

Lahir atlet baharu permotoran

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri memberi tumpuan melahirkan bakat dalam dunia permotoran melalui kemudahan tiga litar lumba di Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia boleh dilakukan melalui rancangan pembangunan dan penganjuran kejohanan oleh Majlis Sukan Negeri (MSN) seterusnya menyediakan peluang buat pelumba mempamer bakat.

"Selangor ada tiga litar iaitu Litar Lumba Rakyat, Litar Antarabangsa Sepang dan terbaru Litar Horizon Beranang. Keutamaan untuk gabungkan tiga litar supaya pembangunan lebih teratur.

"Saya akan bincang dengan MSN Selangor untuk menganjur kejohanan supaya bakat yang dilatih ini mendapat

pengiktirafan negeri. Ia juga untuk menguji kebolehan pelumba di litar lebih kompetitif," katanya pada 8 Ogos.

Ditemui selepas merasmikan Litar Horizon Beranang, Amirudin menambah pembukaan litar itu akan membangunkan bakat baharu sukan permotoran, ekonomi masyarakat dan merancang pelancongan di kawasan sekitar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Horizon Beranang Circuit Mohamad Yusaini Nowawi memaklumkan litar berkenaan dibuka kepada awam sejak 1 Ogos selepas siap sepenuhnya pada Mei.

Jelasnya, litar seluas 5.7 ekar sepanjang satu kilometer dengan 13 selekoh dilengkapi pelbagai kemudahan un-

tuk keselesaan orang ramai menonton atau menyertai sebarang acara.

"Ia dilengkapi sistem masa automatik Mylaps, lampu isyarat amaran LED PixelCom dan liputan kamera tertutup sepenuhnya.



"Kemudahan asas lain termasuklah ruangan parkir, platform penonton menampung hingga 200 orang, ruang paddock, bilik solat, tandas dan ruang kafe," jelasnya.

Litar Horizon Beranang dibangunkan Horizon Motorsport dengan kerjasama Kerajaan Selangor melalui Majlis Perbandaran Kajang.

Selangor kekal kedua Liga Super

SHAH ALAM - Selangor FC mengukuhkan kedudukan kedua Liga Super 2024 selepas menewaskan Sabah FC 2-1 di Stadium Likas pada 13 Ogos.

Ketinggalan 0-1 menerusi jaringan sendiri Safuwan Baharudin pada minit ke-27, Red Giants tidak menunggu lama untuk menyamakan kedudukan menerusi gol Roni Fernandez yang memanfaatkan kesilapan pertahanan Sabah FC.

Gol kemenangan Selangor diperoleh hasil rembatan Harith Haiqal dalam kotak penalti pada minit ke-86 bagi membolehkan pasukan pelawat membawa pulang tiga mata berharga.

Selangor kini mengumpul 19 mata dengan enam kemenangan dan satu keputusan seri.

Perlu masa fikir karier

SHAH ALAM - Jaguh berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang memerlukan masa untuk mempertimbang semula keputusan untuk meneruskan kariernya sebagai pelumba dan beraksi di Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28) atau bersara.

Pelumba yang diberi julukan The Pocket Rocketman itu berkata perkara itu perlu dibincang bersama keluarganya sebelum membuat keputusan, lapor Bernama.

Katanya, jurulatihnya John Beasley dan rakan sepasukan ada memujuknya untuk terus beraksi pada LA28 namun beliau belum memutuskannya.

"Selepas perlumbaan (di Sukan Olimpik Paris) John dan Shah (Muhammad Shah Firdaus Sahrom) serta pasukan harap saya boleh pertimbang untuk beraksi pada (Sukan Olimpik) Los Angeles 2028, tapi saya perlu duduk bersama keluarga dan melapangkan fikiran saya.

"Sebab apa yang berlaku di Paris adalah sesuatu yang tak biasa dalam karier saya tapi pada saya mereka tahu kalau saya berhenti berlumba saya akan tetap aktif dalam sukan, paling penting kalau

mereka perlu bantuan saya, saya akan bantu," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 13 Ogos.

Dalam pada itu, Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh berkata Jawatankuasa Program Road To Gold (RTG) menyokong apa sahaja keputusan yang akan dibuat pelumba berusia 36 tahun itu dan tetap menyokong keperluannya.

Azizulhasni terpaksa menamatkan saingan di Sukan Olimpik Paris 2024 seawal pusingan pertama acara keirin lelaki selepas penyertaannya dibatalkan kerana tindakannya memotong pacer di Velodrom Quentin-en-Yvelines pada 10 Ogos.

Sementara itu, penerjun wanita Nur Dhabitah Sabri mahu berehat sementara waktu sebelum memikirkan soal masa depan penglibatan dalam sukan itu selepas mengharungi pelbagai cabaran termasuk persediaan singkat ke Olimpik Paris.

Penerjun berusia 25 tahun itu berkata beliau perlu 'reset' sebelum mengatur perancangan jangka panjang dan percaya beliau masih boleh menyumbang menerusi program dan latihan betul.

Aplikasi khas SUKMA

SHAH ALAM - Aplikasi 'SUKMA XXI' memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat dan berita mengenai Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 secara masa nyata, kata menteri sukan Sarawak.

Menurut Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah, aplikasi itu dilengkapi paparan jadual, keputusan pertandingan, kedudukan dan pungutan pingat terkini mengikut kon-

tinjen masing-masing, lapor Bernama.

"Pengguna juga boleh mendapatkan berita terkini dan menonton video atau penstriman langsung menerusi pautan TV Sarawak.

"Pembangunan aplikasi ini juga sebagai menyahut seruan Premier Sarawak (Tan Sri Abang Johari Tun Openg) untuk memperkasakan perkhidmatan kita melalui digital ekonomi," katanya selepas pelancaran pada 9 Ogos.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada petender - petender yang berdaftar dengan UPEN Dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih sah dan berkuatkuasa dibenarkan menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk Projek	Kelayakan Petender	Tarikh & Tempat Dokumen Mula Dijual	Taklimat	Harga Dokumen
TENDER/PTGS/04/2024	PEROLEHAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGKONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAHKAN PERKAKASAN (HARDWARE) BAGI PELAKSANAAN PENDUAAN, REPLIKASI DAN PEMULIHAN (BACK-UP, REPLICATION AND RECOVERY) KE PUSAT PEMULIHAN BENCANA (DISASTER RECOVERY CENTER (DRC)) DAN PEMBANGUNAN PELAN PEMULIHAN BENCANA (DISASTER RECOVERY PLAN (DRP)) ICT BAGI PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 210101 DAN 210102 DAN 210103 DAN 210104 DAN 210105 DAN 210106 DAN 210107 yang masih sah dan berkuatkuasa Dan Berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 (Sijil UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	15 OGOS 2024 (KHAMIS) Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan dan Dokumen Tender akan dijual dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0 21 OGOS 2024 (RABU) Dokumen Tender akan dijual dan dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0	Tarikh/Hari: 21 OGOS 2024/ RABU Masa : 10.00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Platinum, Tingkat 1, PTGS NOTA: Hanya PENAMA di dalam Sijil Pendaftaran Akaun Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia yang boleh menyertai Sesi Taklimat Tender	RM50.00 Pembayaran melalui Sistem Tender Online Selangor 2.0 Sahaja

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 15 Ogos 2024 (Khamis) pada waktu pejabat dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0.
- Dokumen Tender akan dijual dari 21 Ogos 2024 (Rabu) hingga 4 September 2024 (Rabu) sebelum 12.00 tengahari dengan cara dimuat turun melalui laman sesawang Sistem Tender Online Selangor 2.0. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
- Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan hendaklah disediakan dalam sampul yang berasingan dan berlakri. Setiap satu sampul hendaklah dilabelkan "Tawaran Teknikal" dan "Tawaran Kewangan" di sebelah kiri atas sampul kemudiannya kedua-dua sampul dimasukkan ke dalam sampul besar dan ditandakan dengan jelas pada bahagian atau sampul atau bungkusan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Pejabat seperti berikut:

SULIT-TENDER/PTGS/04/2024

Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam, SELANGOR

- Tarikh tutup tender ini adalah pada 4 September 2024 (RABU) jam 12.00 tengah hari.
- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: 14 Ogos 2024

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor



IR IZHAM HASHIM
Pandan Indah

ramah mesra dengan orang ramai dalam Karnival Klasik Pandan Indah di Ampang Jaya

NG SZE HAN
Kinrara

merasmikan gelanggang bola keranjang BK3 di Subang Jaya



DR FAHMI NGAH
Seri Setia

mengagih Jalur Gemilang di Projek Perumahan Rakyat Lembah Subang 2, Petaling Jaya

DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

menyampaikan surat lantikan jawatankuasa kampung di DUN beliau



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

merasmikan sukan tahunan kanak-kanak di Kampung Pandamaran, Klang

ABBAS AZMI
Seri Serdang

meninjau persiapan Jualan Ehsan Rahmah di Lestari Perdana, Subang Jaya



ONG CHUN WEI
Balakong

melawat sebuah rumah kebakaran di Cheras Utama, Kajang

MUHAMMAD IZUAN KASIM
Kota Damansara

menziarahi penduduk di Seksyen 7 Kota Damansara, Petaling Jaya



RM220 juta bina tebatan banjir

KLANG - Sebanyak RM220 juta diperuntuk bagi melaksana projek tebatan banjir di beberapa kawasan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru.

Wakil rakyatnya berkata projek yang bermula sejak Januari dikendalikan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggunakan peruntukan kerajaan persekutuan.

"Pembinaan projek tebatan banjir ini membabitkan kawasan berisiko bah antaranya termasuklah Jalan Hamzah Alang, Fairy Park, Sungai Binjai dan Sungai Palong.



"Projek kolam tadahan air yang bermula awal tahun ini dijangka siap sepenuhnya 2029," kata Mariam Abdul Rashid pada 7 Ogos.

Mengulas persediaan jangka pendek bagi menghadapi banjir, Mariam berkata pihaknya bersama JPS dan Jabatan Kerja Raya sentiasa memastikan saliran di DUN Meru kerap diselenggara.

"Kita yakin apabila siapnya projek tebatan banjir itu nanti kemungkinan besar banjir tidak lagi melanda kawasan terlibat malahan penduduk juga tidak

perlu berasa bimbang," katanya.

Dalam perkembangan sama, Mariam berkata pihaknya turut menggesa Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) segera menaik taraf saliran di Taman Daya Maju di sini.

"Ia berikutan di kawasan ini walaupun taburan hujan sedikit tetapi tidak sampai tempoh 24 jam air akan mulai masuk ke rumah penduduk sekitar.

"Longkang di situ berusia lebih 20 tahun dan tidak mampu menampung air yang banyak. Saya dimaklumkan MBDK telah tender projek ini dan kerja menaik taraf dilaksana tidak lama lagi," katanya.

Sedia kajian lalu lintas

Tangani sesak, kemalangan jalan

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Pembinaan penghalang kekal dan bonggol antara langkah dirancang bagi mengatasi kemalangan jalan raya di beberapa kawasan panas sekitar Rawang.

Wakil rakyatnya Chua Wei Kiat berkata kawasan yang sering menerima aduan turut menjadi tumpuan bagi penilaian semula sistem lampu isyarat dan kajian terperinci lalu lintas.

Berdasarkan tinjauan bersama Jabat-

an Kerja Raya (JKR), Wei Kiat berkata antara punca kemalangan termasuk pemandu membuat pusingan 'u' dan membelok di kawasan tidak dibenarkan.

"Di depan AEON Rawang, penghalang akan didirikan untuk mencegah kenderaan membelok dan menjamin keselamatan jalan raya.

"Di simpang berhadapan stesen minyak Shell Kampung Lee Kim Sai, pemandu membuat pusingan 'u' haram dan sering berlaku kemalangan," kata-



nya menerusi Facebook pada 9 Ogos.

Katanya sistem lampu isyarat sedia ada di Sungai Bakau akan dinilai untuk mengoptimum masa lampu hijau dan meningkatkan kecekapan lalu lintas.

"Selain itu, sistem GreenWave digunakan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dari Lotus Rawang ke pusat bandar. Lampu isyarat di situ menggunakan teknologi baharu untuk meningkatkan kecekapan perjalanan.

Serah bantuan RM1,000 jemaah haji

KUALA LANGAT - Seramai 20 jemaah haji di Dewan Undangan Negeri Banting menerima Insentif Haji Muassasah bernilai RM1,000 setiap seorang pada 10 Ogos.

Serahan disempurnakan wakil rakyatnya V Papparaidu yang juga EXCO kerajaan negeri sempena Jelajah JobCare Selangor daerah Kuala Langat.

"Seramai 20 individu yang menunaikan haji terima insentif RM1,000 daripada Kerajaan Negeri. Kita ambil keputusan



serahan ini diadakan bersama jelajah bagi memudahkan ibu bapa membawa anak-anak mencari kerja.

"Dengan pemberian insentif ini diharap dapat ringankan beban mereka dan digunakan sebaiknya," katanya di Dewan Sri Jugra di sini.

Pada 3 Mei, Kerajaan Negeri mengumumkan Insentif Haji Muassasah dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000 melibatkan 6,000 bakal jemaah haji ta-

hun ini.

Ia melibatkan peruntukan berjumlah RM6 juta, meningkat tiga kali ganda berbanding jumlah insentif tahun lalu iaitu RM1.5 juta.

Penerima Aniza Laili Omar, 54, bersyukur apabila beliau dan suami Suhaimy Abdul Kudus diberi peluang menerima bantuan itu biarpun agak lewat.

"Kami tidak kisah menerimanya lewat kerana apa yang penting adalah dapat menunaikan ibadah haji dalam keadaan sihat dan selamat pulang pada 1 Julai lalu.

Kelab ahli majlis gerak kerja amal

GOMBAK - Penubuhan Kelab Ahli Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menjadi landasan menggerakkan kerja amal dan program berteraskan kesihatan.

Setiausaha kelabnya berkata pelbagai program dijalankan sejak ia ditubuhkan Januari lalu antaranya ziarah medik dan sumbangan barangan asas kepada penduduk.

"Setakat ini kelab yang dianggotai oleh 23 ahli ini sempat menganjurkan program kesihatan selain menggerakkan aktiviti riadah.

"Selain itu, kami juga menyerahkan bantuan kesihatan kepada ahli kelab bagi meringankan beban kos perubatan," kata Anmuniandy Vellymalai.

Pada 8 Ogos, Yang Dipertua MPS Shahman Jalaludin merasmikan Kelab

Ahli Majlis MPS di sebuah hotel di Selayang, di sini.

Majlis berkenaan yang turut dihadiri Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Dato' Mohd Yazid Sairi, Timbalan Yang Dipertua MPS Adi Faizal Ahmad Tarmizi dan wakil rakyat Rawang Chua Wei Keat turut meraikan dua pelajar cemerlang yang merupakan anak ahli majlis Zon 14 dan 10.

Wakil rakyat rai 250 pesara tentera

SHAH ALAM - Tiga wakil rakyat bekerjasama menganjurkan majlis minum petang bagi meraikan 250 pesara tentera dan polis sempena sambutan Hari Pahlawan pada 10 Ogos.

Inisiatif itu dilaksana Ahli Parlimen Shah Alam Azli Yusof, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Anggerik Najwan Halimi dan ADN Batu Tiga Danial Al-Rashid Haron di Kelab Shah Alam, Seksyen 13, di sini.

"Setiap detik perkhidmatan mereka adalah lambang keberanian dan kesetiaan yang tidak ternilai. Tanpa mereka, keamanan yang kita nikmati hari ini mungkin tidak akan tercapai.

"Majlis ini juga merupakan acara sulung kami meraikan perwira negara dan kami rancang untuk jadikan program sambutan hari pahlawan ini sebagai acara tahunan," kata Najwan.

Edar bendera di kampung tradisi

SHAH ALAM - Jalur Gemilang akan diedarkan di semua kampung tradisi bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu bagi membangkitkan semangat cintakan negara.

Wakil rakyatnya Pang Sock Tao berkata program itu juga dapat menyemarakkan perpaduan selain mengingatkan generasi muda supaya mengerti makna sebenar kemerdekaan yang dicapai negara.

"Pejabat DUN akan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Hulu Selangor serta pejabat daerah dan tanah untuk menjelajah ke setiap kampung tradisi. Negara telah bebas daripada penjajahan selama 67 tahun dan sewajarnya mengekalkan perpaduan dikeselusi selama ini.

"Program juga memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan masyarakat serta meninjau isu setempat," katanya selepas pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2024 pada 9 Ogos.

Tapak sementara legakan peniaga

AMPANG JAYA - Kesemua 12 peniaga di Medan Selera AU5 Lembah Keramat yang terbakar dua minggu lalu akan memulakan operasi di tapak sementara bermula minggu ini.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli berkata kelulusan daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) itu memberi kelegaan selepas tiga sesi dialog bersama peniaga.

"Saya kagum dengan kecekapan MPAJ dalam menguruskan perkara ini dalam tempoh dua minggu. Malah, perkara ini turut mendapat perhatian Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang sudi memberikan sumbangan RM10,000 kepada setiap peniaga.

"Sudah pasti kejadian ini membuat peniaga sedih kerana medan selera menjadi punca rezeki tetapi kini mereka dibenarkan berniaga di tapak sementara. Diharap dengan usaha ini menjadi titik baharu dalam kehidupan dan perniagaan mereka," katanya pada 11 Ogos.

selangorkini



Cerpen, puisi & esei
**HADIAH SASTERA
SELANGOR
2024**
terbit setiap Sabtu dan Ahad
di portal selangorkini.my

Jualan tiket Piala FA 16 & 18 Ogos

SHAH ALAM - Tiket perlawanan akhir Piala FA antara juara bertahan Johor Darul Ta'zim FC dan Selangor FC pada 24 Ogos hanya dijual secara dalam talian di TicketHotline.com.my

Selangor FC memaklumkan tiket mula dijual pada jam 10 pagi untuk pemegang pas bermusim pada 16 Ogos dan orang awam terhad empat tiket sahaja seorang pada 18 Ogos.

"Keutamaan awal pembelian tiket diperuntukkan kepada pemegang pas bermusim pada 16 Ogos bermula jam 10 pagi dan berakhir tepat jam 10 pagi pada 18 Ogos.

"Kuota pembelian tiket bagi seorang pemegang pas bermusim 2024/25 adalah dua tiket sahaja seorang," maklum Selangor FC menerusi Facebook pada 13 Ogos.

Kemenangan penting skuad futsal

SHAH ALAM - Selangor menewaskan Johor 3-2 dalam perlawanan pembukaan futsal Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak di Stadium Tertutup Kota Samarahan pada 13 Ogos.

Ketua pasukan Syahir Iqbal Khan Akhbar Khan memastikan Selangor di depan pada minit keenam menerusi sepakan penalti selepas bola terkena tangan pemain lawan.

Muhammad Rashidie Mahadi menyamakan kedudukan 1-1 buat Johor dua minit kemudian diikuti gol kedua Selangor yang dijaringkan Muhammad Zufayri Shamsul Asmardy juga menerusi sepakan penalti.

Masuk minit ke-23, Syahir Iqbal menambah jaringan kedua peribadi untuk memastikan Selangor mendahului 3-1.

Johor kembali merapatkan kedudukan menerusi gol kedua Muhammad Rashidie pada minit ke-27 dan keputusan 3-2 kekal hingga tamat perlawanan.

Selangor akan bertemu Perak dalam perlawanan kedua kumpulan B pada 15 Ogos.



SEMANGAT... Aksi pemain Selangor dalam perlawanan pertama kumpulan A Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Stadium Azman Hashim, Sibu pada 12 Ogos. Selangor menang 2-0. Foto Facebook SUKMA Sarawak 2024

Wushu sumbang pingat pertama

Misi buru 61 emas SUKMA di Sarawak

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Selangor menyasar kutipan 61 pingat emas dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak bermula 17 hingga 24 Ogos.

Pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor berkata sasaran tersebut berdasarkan penilaian akhir terhadap semua atlet sepanjang program latihan dan pertandingan sebelum berangkat ke temasya dwitahunan itu.

Mohamad Nizam Marjugi berkata Selangor akan menyertai 37 jenis sukan yang dipertandingkan dan pihaknya yakin un-

tuk berada pada kedudukan tiga teratas.

"Semua atlet bersedia untuk membawa cabaran Selangor kali ini. Kita percaya kemampuan semua atlet untuk terjemahkan strategi yang disusun dan membawa pulang pingat.

"Cabaran kali ini pastinya berbeza sebab atlet kita pernah bertanding dalam temasya sebelum ini dan kejohanan di Sarawak peluang terbaik untuk mereka berikan persembahan cemerlang serta melakar kejayaan lebih gemilang untuk Selangor," katanya pada 14 Ogos.

Beliau menjelaskan beberapa acara akan dipertandingkan lebih awal sebelum majlis pembukaan pada 17 Ogos.

"Saya ingin berterima kasih kepada semua agensi negeri yang terlibat menaja dan menghulur bantuan kewangan kepada semua persatuan sukan sebagai persediaan ke SUKMA kali ini.

"Insyallah semua atlet akan memberikan yang terbaik dan kita juga mohon doa serta sokongan daripada rakyat Selangor supaya kita dapat merealisasikan hasrat mengungguli temasya kali ini," katanya.

Selangor meraih emas pertama SUKMA menerusi atlet wushu wanita Mandy Cebelle Chen dalam acara taijijian dengan mengumpul 9.603 mata pada 14 Ogos.

pancawarna

Faisal Halim cekal lawan kesakitan

Ayam tambatan Selangor FC mungkin beraksi akhir Piala FA pada 24 Ogos

9



Atlet bergelut raih pingat Olimpik

Walau pencapaian sedikit merosot, semangat juang wakil negara terserlah

12&13



Bangkit lepas dua musibah besar

Dua peniaga wanita usahakan produk bunga roselle tembusi pasar raya

11

